Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penilaian untuk maksud cukai taksiran di seluruh Seberang Perai bagi memperkasakan keupayaan kewangan MPSP dan seterusnya membolehkan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada warga Seberang Perai dan pelabur. Selain itu, jabatan ini juga menguruskan harta-harta komersial milik MPSP dan bertindak menjana hasil-hasil melalui kutipan sewa, penjualan harta-harta tak alih dan meneroka sumber-sumber hasil baru. Jabatan ini juga berperanan mengurangkan tanggungan kewangan MPSP melalui penjimatan kos.

FUNGSI JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Membuat penilaian bagi menentukan Nilai Tahunan ke atas pegangan-pegangan yang boleh dikenakan kadar di seluruh Seberang Perai.	Melaksanakan kerja-kerja penilaian bagi Maksud Sumbangan Membantu Kadar yang dibuat ke atas pegangan-pegangan yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun.
Membuat kerja-kerja penilaian semula ke atas pegangan-pegangan yang boleh dikenakan kadar di seluruh Seberang Perai setiap lima (5) tahun sekali	Membuat penilaian untuk menentukan nilai pasaran bagi tujuan pengambilan balik tanah dan penilaian nilai modal harta untuk tujuan pembelian dan pelupusan harta Majlis.
Membuat penilaian untuk maksud menentukan kadar sewa pasaran harta-harta Majlis	Membuat penilaian untuk maksud insurans ke atas bangunan-bangunan yang dibina atau diuruskan oleh Majlis.
Mengurus dan menyelenggarakan harta-harta Majlis yang berada di bawah tanggungjawab Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta termasuk rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar.	Membuat penilaian bagi maksud pelingkungan semula dan sumbangan menggantikan penyerahan harta-harta awam.
Menguruskan inventori harta-harta Majlis	Memproses permohonan penukaran nama pembayar cukai
Mengemaskini senarai nilai dan rekod-rekod maklumat harta berkadar.	

ORGANISASI PENGURUSAN ATASAN JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



Carta Organisasi Utama Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Tahun 2015



PENILAIAN BAGI MAKSUD KADARAN

HASIL BANGUNAN

i) Taksiran Baru

Pada tahun 2015 sebanyak 10,025 bangunan baru telah ditaksir. Jumlah pertambahan Nilai Tahunan berbanding tahun 2014 ialah RM82,291,680 dan cukai sebanyak RM7,697,678.25

ii) Taksiran Semula (Pindaan dan Tambahan)

Taksiran semula harta di seluruh Seberang Perai pada tahun 2015 menunjukkan sebanyak 1,863 bangunan yang telah ditaksir semula apabila terdapat pindaan dan tambahan ke atas bangunan sediaada. Nilai Tahunan yang telah diterima adalah sebanyak RM 41,381,289 dan cukai taksiran RM4,360,323.99.



HASIL TANAH

i) Taksiran Baru

Pada tahun 2015 sebanyak 1,196 lot tanah kosong telah ditaksir. Jumlah pertambahan Nilai Tahunan berbanding tahun 2014 ialah RM58,150,800 dan cukai sebanyak RM1,802,654.40.

ii) Taksiran Semula (Pindaan)

Dalam tahun 2015 sebanyak 83 lot tanah kosong telah ditaksir semula dan nilai tahunan sebanyak RM19,780,442,957.24 dan cukai taksiran sebanyak RM120,978.90.

SUMBANGAN MEMBANTU KADAR

AGENSI	BIL HARTA	SUMBANGAN YANG PERLU DIBAYAR (RM)	
KERAJAAN PERSEKUTUAN	3984	2,756,187.90	
KERAJAAN NEGERI	584	202,106.67	
KEMENTERIAN PERTAHANAN	898	970,416.31	
BADAN BERKANUN			
FAMA	9	37,107.45	
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA	1	7,346.55	
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG	34	26,261.10	
MARDI	1	494.40	
JABATAN BEKALAN AIR P.PINANG	1	123,453.00	
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG	28	456.30	
PERDA	15	2,331.45	
NAFAS	1	41,989.50	
RISDA	3	4,150.65	
SPPP	1	52,902.90	
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI	6	4,074,626.85	
KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)	191	33,342.99	
Jumlah	291	4,404,463.85	

Jadual 1.1: Sumbangan Membantu Kadar (SMK) bagi harta yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga bertanggungjawab menentukan caruman yang perlu dibayar bagi semua harta-harta kerajaan Persekutuan, kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun bagi maksud Sumbangan Membantu Kadar (SMK).

RAYUAN CUKAI TAKSIRAN 2013

Berdasarkan kepada Akta Kerajaan Tempatan 171 (1976), Seksyen 142 telah memperuntukan bahawa pemilik bangunan boleh membuat bantahan ke atas senarai nilai baru yang dikenakan. Berikut bilangan bantahan yang diterima daripada pembayar cukai terhadap cadangan nilai tahunan pada tahun 2015 seperti jadual 1.2

Daerah	Mesyuarat Rayuan Cukai	Bilangan Bantahan	
		Bangunan	Tanah
SP UTARA	9	1017	38
SP TENGAH	13	1167	54
SP SELATAN	8	201	398
Jumlah	30	2,385	490

Jadual 1.2: Mesyuarat Rayuan Cukai 2015



Gambar 1.1 menunjukkan Jenis Skim Pembangunan yang dibuat Penilaian Kadaran.



Gambar 1.2 Mesyuarat Rayuan Cukai Selatan Tahun 2015


TUKAR NAMA PEMILIK

Tukar Nama Pemilik Harta Berkadar telah diperuntukan dibawah Seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Penukaran nama kepada pemilik harta yang baru perlu dibuat untuk membolehkan bil cukai taksiran disampaikan kepada pihak yang sebenarnya memiliki harta tersebut selain itu untuk tujuan penghantaran notis, carian dan sebagainya.

Graf 1.2 : Tukar Nama Pemilik yang memohon dan diluluskan mengikut daerah pada tahun 2015.

Tukar Nama Pemilik diproses untuk permohonan yang melibatkan bangunan dan tanah bagi seluruh Seberang Perai. Kelulusan sesuatu permohonan bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada pemohon. Kegagalan memenuhi syarat menyebabkan permohonan tidak dapat diluluskan dan perlu membuat permohonan semula.

Tukar Nama Pemilik Harta Mengikut Daerah di Seberang Perai 2015



Graf 1.2 : Menunjukkan bilangan permohonan tukar nama yang lulus mengikut daerah pada tahun 2015



Gambar 1.3: menunjukkan pelanggan mengemukakan permohonan tukar nama yang dibantu oleh kakitangan Jabatan Penilaian.

HARTA MAJLIS

Skop Kerja Bahagian Pengurusan Harta Majlis meliputi pengurusan harta-harta komersial milik MPSP dan Pengurusan Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar Seberang Perai Tengah (SPT).



Gambar 1.4: Harta-harta Majlis disewakan di Jalan Mohd Saad, Butterworth, SPU




Gambar 1.5 : Bangunan dan Tanah milik MPSP yang disewakan



Gambar 1.6: Pondok Bas-Pondok Bas yang disewakan untuk tujuan pengiklanan

Jumlah kutipan hasil sewaan untuk semua harta komersial Majlis untuk tahun 2015 ialah sebanyak RM 3,321,673.09



Graf 1.3 Peratusan Harta-harta Majlis yang Disewakan mengikut Daerah.

Sewaan harta-harta Majlis melibatkan sewaan bangunan dan tanah serta pondok bas-pondok bas di Seberang Perai. Terdapat unit-unit apartment yang berada di Damansara dan Casa Subang, Selangor dan kini sedang disewakan.

SENARAI TAPAK UNTUK PUSAT KITAR SEMULA ATAU PUSAT KOMPOS

MPSP juga memberi kemudahan sewaan depo sampah dan bekas tapak tangki najis untuk tujuan pusat kitar semula dan pusat kompos. Semua permohonan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Berikut senarai tapak depo sampah dan bekas tangki najis yang dibuka untuk sewaan.

SENARAI-SENARAI DEPO SAMPAH DAN BEKAS TAPAK TANGKI NAJIS MPSP YANG TELAH DISEWAKAN

SENARAI YANG TELAH DISEWAKAN							
Bil	No. Lot	Mukim	Daerah	Nama Taman/Lokasi	Keluasan Tanah (mp)	Jenis Tapak	Cukai Tanah (RM)
1.	5083	14	SPU	Taman Mesra Permai	83.27	Depo Sampah	40.00
2.	PT1638	6	SPT	Taman Pauh Damai	317.1	Depo Sampah	70.00
3.	13195	15	SPT	Taman Seri Maju	42	Depo Sampah	40.00
4.	14935	15	SPT	Taman Desa Palma	949	Depo Sampah	209.00
5.	6917	14	SPT	Taman Idaman	405	Depo Sampah	90.00



Gambar 1.7: Depo Sampah yang disewakan untuk tujuan pusat kitar semula atau pusat kompos.

PENGURUSAN RUMAH PANGSA PPR, AMPANGAN JAJAR, SPT

Latar Belakang.


Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampangan merupakan projek perumahan yang dilaksanakan bagi tujuan membantu golongan yang berpendapatan rendah pada kadar antara RM750.00 hingga RM1,500.00 sebulan.

Pangsa PPR Ampangan dibina di atas tanah MPSP iaitu di atas sebahagian Lot 972, Bandar Perai dan Lot 1346 Mukim 2, Seberang Perai Tengah. Ia mula beroperasi dan dibuka untuk sewaan pada 1 Jun 2006. Ia mempunyai 10 tingkat yang terdiri daripada 250 unit kediaman, 2 buah kiosk perniagaan, sebuah bilik pengurusan, sebuah dewan orang ramai dan sebuah surau.




Pengurusan dan Penyelenggaraan

MPSP telah melantik Tetuan Mutiara Properties sebagai ejen pengurusan yang bertanggungjawab untuk menyelenggara bangunan PPR ini. Kerja-kerja penyelenggaraan bangunan PPR ini merangkumi kerja-kerja pembersihan, lanskap, pembaikan (handyman), lif, elektrik (chargeman), kawalan serangga dan pencegahan kebakaran. Perincian kontrak bagi kerja-kerja penyelenggaraan bangunan PPR ini adalah seperti rajah di atas.



Peratusan Penyewa Rumah Pangsa PPR (rekod bagi bulan Disember 2015)



Keja Pembersihan dan Lanskap

Keja pembersihan merupakan sebahagian kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh pihak pengurusan Tetuan Mutiara Properties di Pangsa PPR, Ampangan, SPT. Jadual 1.3 di bawah menunjukkan jadual kerja-kerja pembersihan untuk keseluruhan Pangsa PPR Ampangan, SPT.

KEKERAPAN	HARIAN					MINGGUAN						BULANAN	
	KAWASAN	TINGKAT BAWAH	TEMPAT LETAK KERETA	TANGGA & KORIDOR (SETIAP TINGKAT)	AIR WELL	LIF	PUSAT PUNGUTAN SAMPAH	BILIK SUIS UTAMA	BILIK PAM	BILIK GEN SET	SILING TINGKAT BAWAH & TINGKAT 9		DEWAN
AKTIVITI													
SAPU	LANTAI	LANTAI	LANTAI	-	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	-	LANTAI	-
CUCI	LONGKANG	LONGKANG	-	LANTAI	SILING	TONG (AIR + BAHAN KIMIA)	-	-	-	SILING	SILING	SILING	
LAP	PETI SURAT	-	RAILINGS	-	-	-	PERALATAN (DENGAN PENGAWASAN PENYELIA)	PERALATAN (DENGAN PENGAWASAN PENYELIA)	PERALATAN (DENGAN PENGAWASAN PENYELIA)	-	-	-	
MASA	8 - 9 PG (4 - 5 PTG flexi)	9 - 10.30 PG	10.30 PG - 100 PTG	2 - 3.30 PTG	3.30 - 4 PTG	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	MINGGU PERTAMA	

Jadual 1.3: Jadual Kerja-kerja Pembersihan Pangsa PPR Ampangan, SPT yang dikendalikan oleh Persatuan Penduduk

Gambarajah (i-iv) menunjukkan kerja-kerja pembersihan yang dijalankan oleh pekerja-pekerja yang dilantik oleh pihak pengurusan Tetuan Mutiara Properties di Pangsa PPR, Ampangan, SPT.

PEMBERSIHAN



Gambar 1.8: Kerja-kerja pembersihan yang dilakukan oleh Persatuan Penduduk Pangsa PPR, Ampangan, SPT

PENYELENGGARAAN



Gambar 1.9: Kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan Tetuan Mutiara Properties

PRESTASI KUTIPAN SEWA PANGSA PPR AMPANGAN, AMPANG JAJAR, SPT.

Prestasi kutipan sewa mengikut bulan sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:-

PERKARA		SEMASA			TUNGGAKAN			KESELURUHAN	
TAHUN	BULAN	BILLING (RM)	KUTIPAN (RM)	PERATUS	BILLING (RM)	KUTIPAN (RM)	PERATUS	JUMLAH KUTIPAN	PERATUS KUTIPAN
2015	JANUARI	24,700.00	11,200.00	45.3%	44,900.00	9,200.00	20.5%	20,400.00	65.8%
	FEBRUARI	24,700.00	12,700.00	51.4%	49,200.00	12,100.00	24.6%	24,800.00	76.0%
	MAC	24,700.00	12,000.00	48.6%	49,100.00	10,000.00	20.4%	22,000.00	68.9%
	APRIL	24,400.00	14,000.00	57.4%	48,300.00	13,700.00	28.4%	27,700.00	85.7%
	MEI	24,300.00	13,100.00	53.9%	44,300.00	9,600.00	21.7%	22,700.00	75.6%
	JUN	24,300.00	12,500.00	51.4%	45,900.00	8,300.00	18.1%	20,800.00	69.5%
	JULAI	24,600.00	12,700.00	51.6%	43,900.00	11,300.00	25.7%	24,000.00	77.4%
	OGOS	24,600.00	10,900.00	44.3%	44,500.00	14,900.00	33.5%	25,800.00	77.8%
	SEPTEMBER	24,600.00	12,500.00	50.8%	43,300.00	14,400.00	33.3%	26,900.00	84.1%
	OKTOBER	24,600.00	12,700.00	51.6%	41,000.00	15,100.00	36.8%	27,800.00	88.5%
	NOVEMBER	24,600.00	13,100.00	53.3%	37,800.00	13,900.00	36.8%	27,000.00	90.0%
	DISEMBER	24,600.00	13,700.00	55.7%	35,400.00	11,700.00	33.1%	25,400.00	88.7%

PENUTUP

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan Majlis. Jabatan ini sentiasa komited untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan ke arah mencapai visi dan misi MPSP berlandaskan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang bersih, hijau, selamat dan sihat.



JABATAN KEMASYARAKATAN

JABATAN KEMASYARAKATAN

Jabatan Kemasyarakatan mempunyai kekuatan kakitangan seramai 64 orang yang diketuai oleh Pengarah Kemasyarakatan dan dibantu oleh 4 unit yang terdiri seperti di bawah :

Bahagian

- Biro Pengaduan Awam
- Unit Pentadbiran & Perhubungan Awam
- Unit Eko Komuniti
- Unit Sukan & Sosial

FUNGSI JABATAN

- Menyelia dan menyelenggara kompleks sukan dan dewan di bawah pentadbiran MPSP termasuk kemudahan-kemudahan yang disediakan.
- Merancang dan melaksana program sukan.
- Meningkatkan mutu sukan sejajar dengan keperluan semasa dalam kalangan masyarakat Seberang Perai.
- Mengembangkan minat sukan dalam kalangan kakitangan MPSP dan masyarakat.
- Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan lain-lain pertubuhan dalam penganjuran aktiviti sukan dan sosial.
- Meningkatkan imej MPSP melalui pencapaian dalam bidang sukan dan sosial.
- Mengendalikan Biro Pengaduan Awam.
- Menguruskan lawatan ke luar dan dalam MPSP, permohonan cenderamata dan penggunaan bilik mesyuarat.
- Menerbitkan Laporan Tahunan, Buletin dan risalah-risalah berkaitan dengan Majlis dan kalendar tahunan.
- Menjadi Sekretariat LA21.
- Mengendalikan majlis-majlis rasmi MPSP.
- Menyelaraskan keratan akhbar dan semua hal berkaitan dengan akhbar.


LAWATAN DAN KUNJUNGAN

Sepanjang tahun 2015, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima lawatan dan kunjungan hormat dari lapan PBT dan satu IPTA. Secara keseluruhan, MPSP telah menerima seramai 299 orang pelawat sepanjang tahun 2015. Kebanyakan kunjungan dan lawatan

adalah untuk mempelajari (benchmark) dan juga membeli sistem-sistem yang digunakan di Majlis, contohnya Sistem Kewangan dan Cukai Taksiran, Sistem Penilaian dan sebagainya. Bagi IPTA pula lawatan adalah bertujuan untuk memahami dan mempelajari Kaedah Pengurusan Hartanah yang digunakan oleh MPSP dan mempelajari serba sedikit mengenai program kitar semula.

Statistik Lawatan ke MPSP bagi tahun 2015

Bil	Bulan	Bil Agensi	Jumlah Pelawat
1.	Februari	0	0
2.	Mac	0	0
3.	April	1	11
4.	Mei	0	0
5.	Jun	4	114
6.	Julai	0	0
7.	Ogos	1	80
8.	September	1	36
9.	Oktober	2	58
10.	November	0	0
11.	Disember	0	0
Jumlah		9	299



Graf Menunjukkan Lawatan Yang Diterima Bagi Tahun 2015

PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN KOMPLEKS-KOMPLEKS SUKAN MPSP

Majlis mempunyai 6 buah kompleks sukan dan dewan seperti di bawah dan diuruskan oleh Jabatan Kemasyarakatan iaitu :


- Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas
- Kompleks Sukan & Rekreasi Sony, Seberang Jaya
- Kompleks Sukan Jalan Betek, Bukit Mertajam
- Kolam Renang Awam Seberang Jaya
- Dewan Milenium, Kepala Batas (diswastakan kepada PDC Setia Urus)
- Dewan Dato' Hj Ahmad Badawi, Butterworth

Kompleks Dan Dewan Yang Disediakan Oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)



Penggunaan Kemudahan Sukan Mpsp Bagi Tahun 2015

KEMUDAHAN	BILANGAN PENGGUNAAN
<i>Kompleks Sukan MPSP Bertam</i>	3267
<i>Kompleks Sukan dan Rekreasi SONY</i>	1332
<i>Kompleks Sukan dan Rekreasi SPT</i>	565



Graf Menunjukkan Penggunaan Kemudahan Sukan MPSP Bagi Tahun 2015.

PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN DEWAN ORANG RAMAI MPSP


Majlis juga mempunyai dewan-dewan orang ramai yang diserahkan oleh pemaju-pemaju perumahan. Dewan-dewan ini akan diberi hak pengurusan selama setahun kepada Persatuan atau Pertubuhan dengan mengenakan bayaran gantian cukai tanah dan cagaran sebanyak RM100.00.

Permohonan rasmi perlu dikemukakan kepada MPSP dan sertai dengan

- i. Sijil Pertubuhan yang sah
- ii. Senarai Ahli Jawatankuasa
- iii. Perancangan aktiviti tahunan

Statistik Dewan Orang Ramai Bagi Tahun 2015

Bil	Status / Kawasan	SPU	SPT	SPS
1.	Diuruskan oleh Persatuan atau Pertubuhan	43	77	47
2.	Kekosongan	15	25	17
	Jumlah	58	102	64



Graf menunjukkan Bilangan Dewan Orang Ramai MPSP Bagi Tahun 2015

KERATAN AKHBAR

Jabatan ini ditugaskan untuk membuat keratan akhbar mengenai isu-isu MPSP dan yang berkaitan untuk tindakan MPSP dan untuk Sistem Keratan Akhbar. Di bawah ini merupakan statistik keratan akhbar yang telah dibuat sepanjang tahun 2015.

Statistik Keratan Akhbar MPSP Tahun 2015

BIL	AKHBAR / BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS
1	B.HARIAN	19	2	27	19	14	22	8	14	14	19	12	18
2	H.METRO	19	5	17	17	16	19	12	26	20	22	17	15
3	SINAR HARIAN	32	5	35	33	34	51	33	37	40	35	34	26
4	THE STAR	66	5	64	82	76	79	71	67	67	79	63	52
5	NST	22	3	20	16	18	24	15	32	26	10	16	23
6	SUN	13	2	11	10	8	17	14	10	8	13	11	12
7	MALAY MAIL	4	1	15	13	14	14	5	19	33	10	14	16
8	ORIENTAL DAILY	2	1	5	1	6	1	0	4	1	0	2	3
9	CHINA PRESS	13	16	15	9	14	15	20	14	5	17	9	4
10	GUANG MING	16	7	11	15	10	14	25	13	8	8	14	4
11	NAN YANG	5	8	11	2	3	4	6	6	0	5	1	6
12	KWANG WAH	4	10	10	9	5	7	9	11	2	4	2	4
13	SIN CHEW DAILY	6	8	8	8	4	12	6	7	7	12	3	4

Biro Pengaduan Awam

- Mengendalikan Pengaduan Awam MPSP adalah sebahagian daripada Jabatan Kemasyarakatan. Aktiviti di bawah Bahagian Pengaduan Awam MPSP adalah Pengurusan Aduan dan Jendela Pelanggan.
- Aduan diterima daripada orang ramai dan agensi kerajaan melalui pelbagai saluran seperti surat, fax, e-mel, telefon, internet, mesyuarat, hadir/lisan, keratan akhbar dan sistem e-PINTAS. Aduan yang mempunyai maklumat dan lokasi yang lengkap akan diproses dalam tempoh 1 hari. Maklum balas diberi kepada pengadu dalam tempoh 5 hari dari tarikh aduan dibuat jika pengadu memberi alamat yang lengkap.
- Jendela pelanggan diadakan setiap bulan pada hari Jumaat minggu pertama (hari bekerja dan sekiranya cuti pada hari tersebut maka ianya akan diadakan pada hari Jumaat minggu berikutnya) mulai jam 10 pagi – 12 tengahari bertempat di Ruang Lobi, Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda. Di sini pelanggan MPSP berpeluang untuk bertemu dengan Pengarah atau Pegawai Kanan Majlis bagi semua jenis urusan berkaitan MPSP.



Sesi Jendela Pelanggan di Ruang Lobi, MPSP

Statistik Aduan Mengikut Bulan Bermula Dari 01/01/2015 Sehingga 31/12/2015

Bil	Bulan	Surat	Telefon	Media	Lisan/Hadir	Internet	E-Mel	Mesyuarat	Selesai	Belum Selesai	Jumlah
1	Jan	20	656	0	82	242	174	10	1160	22	1182
2	Feb	27	530	0	66	164	140	9	920	15	935
3	Mac	21	530	0	82	147	176	11	949	17	966
4	Apr	29	606	0	68	202	179	15	1050	44	1094
5	Mei	32	468	0	67	178	150	0	851	38	889
6	Jun	22	572	0	96	154	170	17	961	67	1028
7	Jul	21	502	0	78	98	127	3	774	50	824
8	Ogos	17	533	0	79	190	162	2	891	91	982
9	Sept	13	621	0	86	165	174	5	920	140	1060
10	Okt	20	519	0	92	121	150	2	721	179	900
11	Nov	11	517	0	108	144	142	3	736	187	923
12	Dis	22	449	1	94	157	106	2	631	197	828
	Jumlah	255	6503	1	998	1962	1850	79	10564	1047	11611
	Peratus (%)	2.20	56.01	0.01	8.60	16.90	15.93	0.68	90.98	9.02	100.00

Statistik Aduan Mengikut 5 Kategori Tertinggi & Daerah Bermula Pada 01/01/2015 Sehingga 31/12/2015

Bil	Kod Kategori Aduan	Nama Kategori Aduan	SPU	SPT	SPS	Siap	Belum Siap	Jumlah
1	13	Longkang / Parit	416 26.15%	880 55.31%	295 18.54%	1491 93.71%	100 6.29%	1591 100%
2	02	Haiwan	345 25.88%	696 52.21%	292 21.91%	1323 99.25%	10 0.75%	1333 100%
3	20	Sampah	320 24.24%	783 59.32%	217 16.44%	1285 97.35%	35 2.65%	1320 100%
4	18	Pokok	355 32.21%	558 50.64%	189 17.15%	981 89.02%	121 10.98%	1102 100%
5	12	Lampu	215 25.56%	519 61.71%	107 12.72%	830 98.69%	11 1.31%	841 100%

**Statistik Aduan Mengikut Jabatan Tertinggi Bermula 01/01/2015 Sehingga
31/12/2015**

Bil	Kod Jabatan	Nama Jabatan	Jumlah	%
1	103	Perkhidmatan Perbandaran	3679	24.99
2	113	Perkhidmatan Kesihatan	2678	18.19
3	104	Kejuruteraan	2249	15.28
4	116	Landskap	1542	10.48
5	114	Direktorat Penguatkuasaan	1398	9.5
6	112	Pelesenan	1355	9.21
7	105	Bangunan	1080	7.34
8	101	Khidmat Pengurusan	293	1.99
9	115	Pesuruhjaya Bangunan	176	1.2
10	106	Perancang Bandar	149	1.01
11	111	Kemasyarakatan	60	0.41
12	108	Penilaian Dan Pengurusan Harta	26	0.18
13	107	Perbendaharaan	21	0.14
14	102	Undang-Undang	13	0.09
15	117	Korporat Dan Perhubungan Antarabangsa	0	0

PENGENDALIAN MAJLIS DAN KERAJIAN MPSP TAHUN 2015

Fungsi utama Jabatan Kemasyarakatan adalah menjadi "Event Manager" bagi setiap program dan majlis keraihan yang diadakan oleh MPSP. Antara program dan majlis keraihan yang telah diadakan sepanjang tahun 2015 ialah seperti berikut.

1. Majlis Pecah Tanah Padang Taman Berjaya dan Perasmian Gelanggang Berbumbung Bola Keranjang & Sepak Takraw, Taman Berjaya, Nibong Tebal.
2. Majlis Pecah Tanah Pasar Inderawasih
3. Majlis Perasmian Projek Membina Pintu Air Di Parit Monsun Taman Bagan, Butterworth.
4. Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis – Ahli Majlis MPSP 2015.
5. Perhimpunan Korporat.
6. Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Cukai Pintu 2015.
7. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014 & Penghargaan Kepada Pesara 2015.
8. Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang.
9. FIABCI Morning Talk.

10. Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampun 2015.
11. Majlis Penuh Pembentangan Bajet 2016.
12. Majlis Pelancaran Projek Pengindahan Jalan Song Ban Kheng.
13. Majlis Penyerahan 2 Jilid The Malaysia Book Of Records.
14. Sambutan Hari Majlis Ke-41 Majlis Perbandaran Seberang Perai.
15. Majlis Perasmian Butterworth Fridge Festival.
16. Sambutan Kemerdekaan Ke-58.
17. Majlis Perasmian Lambatan Melintas Patik Pangsupui Emas.
18. Pelancaran Kontak Komuniti PPR Ampangan.
19. Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang.
20. Larian Bersih Hijau MSP Di Machang Bukit.
21. Perasmian Jalan Ke 21KC Chung Hwa Pusat.
22. Golf TTY, Jakarta, Indonesia.
23. Majlis Perasmian Bulatan Bukit Tengah.
24. Majlis Pecah Tanah Pasar Taman Indrawasih.
25. Penang Green Award Ceremony.
26. Yala City Municipality Youth Orchestra.
27. Sambutan Hari Landskap 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang.
28. Hari Alam Sekitar Pulau Aman.
29. Eco Tourism Forum: Seberang Perai Potentiality.
30. Hari Inovasi Peringkat Negeri & Kebangsaan 2015.
31. Kayuhan Amal Bukit Mertajam.
32. Fun Dive Treasure Hunt Tourism Malaysia.
33. MSP Tower Run 2015.

GAMBAR MAJLIS KERAIAN MPSP PADA TAHUN 2015



Majlis Perasmian Projek Membina Pintu Air Di Parit Monsun Taman Bagan, Butterworth



Majlis Pecah Tanah Sempena Projek Membina Jambatan Melintasi Parit Monsun di Jalan Pangsapuri Emas



Butterworth Fringe Festival 2015



MPSP Tower Run



Golf TYT , Jakarta Indonesia



Yala City Municipality Youth Orchestra



Sambutan Hari Landskap Negara 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang



Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang 2015



Larian Bersih Hijau MPSP di Machang Bubok

UNIT EKO KOMUNITI

Pada tahun 2015, Unit Eko Komuniti telah menjalankan lebih 200 aktiviti yang bertujuan untuk mempertingkatkan program kitar semula dan mengalakkan pengurangan sampah. Promosi 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse & Recycle* adalah aktif dijalankan oleh MPSP. Setiap lapisan masyarakat, bermula dengan diri sendiri dididik untuk mewujudkan masyarakat yang kurang mengeluarkan sisa, atau menjana sisa (sisa sifar – *rethink*) dengan menjalankan program kitar semula bagi sisa yang dijana dan membudayakan kitar semula dalam kehidupan seharian.

Program-program yang dijalankan menfokuskan mengenai kepentingan kitar semula dan kepentingan sisa diasingkan kepada 3 kategori iaitu boleh dikitar semula, tidak boleh dikitar semula dan sisa organik. Bahan yang boleh dikitar semula dikumpul untuk jualan, tidak boleh dikitar semula dibuang sebagai sampah dan sisa organik dijadikan kompos.

Secara mudah, konsep ini mengajar supaya memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. Dengan mengamalkan kitar semula ini, ia bukan sahaja dapat menjaga alam sekitar dan menjimatkan kos pengurusan sampah

malah dapat mengekang pelbagai permasalahan yang bakal timbul kesan daripada ketidakcekapan pengurusan sumber alam.

i. KITAR SEMULA

STATISTIK KITAR SEMULA TAHUN 2015

Bulan	Berat Sampah (Tan)	Berat Kitar Semula (Tan)	Jumlah Berat Sampah + Berat Kitar	Peratus Kitar Semula
1	43,207.93	25,607.47	68,815.397	37.21%
2	36,099.31	22,921.64	59,020.950	38.84%
3	35,498.41	24,612.88	60,111.289	40.95%
4	36,250.60	24,195.27	60,445.865	40.03%
5	38,188.41	25,279.13	63,467.541	39.83%
6	35,294.06	23,684.77	58,978.834	40.16%
7	32,683.33	22,488.02	55,171.352	40.76%
8	33,489.39	25,739.65	59,229.039	43.46%
9	32,472.16	24,411.29	56,883.445	42.91%
10	38,526.35	25,917.25	64,443.595	40.22%
11	39,095.45	25,124.60	64,220.054	39.12%
12	39,655.00	19,276.57	58,931.567	32.71%
Jumlah	440,460.40	289,258.53	729,718.93	39.64%

STATISTIK KITAR SEMULA 2015



JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGS	SEPT	OKT	NOV	DIS
25,607,467	22,921,640	24,612,879	24,195,265	25,279,131	23,684,774	22,488,022	25,739,649	24,410,109	25,917,245	25,124,604	20,662,629

ii. KOMUNITI SISA SIFAR

Komuniti sisa sifar adalah untuk mendidik penduduk bahawa pengasingan sisa di punca perlu dilaksanakan dan bukan itu sahaja, sisa dapur seperti kulit buah-buahan, sayur-sayuran, semua sisa basah boleh dikomposkan untuk dijadikan baja. Sekiranya masyarakat mengamalkan pengkomposan dan kitar semula, ia dapat membantu mengurangkan pembuangan sisa dapur ke tapak pelupusan dan dapat membantu MPSP untuk menjimatkan jutaan ringgit yang dibayar untuk pengurusan sampah pada setiap tahun.

1. Taman Pandan
2. Pangsapuri Park View
3. Palm Vila
4. Permatang Nibong
5. Taman Keenways
6. Taman Desa Palma
7. Pangsapuri Taman Permata
8. Taman Tambun Indah
9. Taman Putri Gunung
10. Taman Bukit Panchor
11. Kampung Jawi
12. Autocity Juru
13. South Island Garment
14. Malaysia Automotive Lighting
15. Ixora Hotel
16. Kilang Sony
17. Taman Villa Oren
18. Pangsapuri Tanjung Indah

iii. KEBUN KEJIRANAN (COMMUNITY FARMING)

Antara komuniti yang melaksanakan aktiviti seperti kitar semula, kebun kejiranan dan pengkomposan ialah seperti berikut :

- Taman Bagan Lalang
- Taman Pandan
- Taman Desa Damai
- Taman Janggus Jaya
- Taman Keenways
- Taman Gemilang/Semarak
- Taman Bukit Panchor
- Permatang Nibong

iv. ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2015

Anugerah Sekolah Hijau bertujuan mengurangkan sisa buangan, penjimatan sumber, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Program ini telah berlangsung sejak tahun 2010 dan sejak daripada itu telah ditaja dan dianjurkan bersama Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd. Pada tahun 2015, bilangan penyertaan telah bertambah.

TAHUN	JUMLAH SEKOLAH
2010	30
2011	36
2012	53
2013	86
2014	86
2015	141

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH

1. Johan: (RM2000.00) SMK Sri Muda
2. Naib johan: (RM1600.00) SMK Berapit (Akaun PIBG SMK Berapit)
3. Ketiga: (RM1000.00) SM Sains Tun Sheh Syed Shahabudin, Bukit Mertajam

ANUGERAH PERAK (RM600.00)

1. SMK Guar Perahu Indah
2. SMK Kampong Selamat
3. SMK Convent, Bukit Mertajam
4. SMK Jalan Damai, Bukit Mertajam (Akaun PIBG SMK Jalan Damai)
5. SMK Seri Nibong, Nibong Tebal (Akaun PIBG SMK Seri Nibong)
6. SMK Datuk Oon, Butterworth

ANUGERAH GANGSA (RM300.00)

1. SMK Bandar Baru Perda, Bukit Mertajam
2. SMK Gemilang
3. SMK Guar Perahu
4. SMK Telok Air Tawar
5. SMK Bakti
6. SMK Permatang Tok Labu, Penaga

ANUGERAH KHAS

1. Amalan Sisa Sifar (RM200.00): SMK Sri Muda, Penaga

2. Kebersihan dan Penghijauan (RM200.00): SMK Guar Perahu Indah
3. Inovasi dan Kreativiti (RM200.00): SMK Convent, Bukit Mertajam
4. Penglibatan Komuniti (RM200.00): SMK kampung Selamat
5. Program 5S (Sisih, Susun, Sapu, seragam dan Sentiasa Amal) (RM500.00); SMK Sri Muda, Penaga.

KATEGORI SEKOLAH RENDAH

1. Johan: (RM2000.00) Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh
2. Naib-johan (RM1600.00) SJKC Boon Beng (Akaun PIBG SJKC Boon Beng)
3. Ketiga: (RM1000.00) SJKC True Light, Kampung Juru Akaun PIBG SJKC True Light)

ANUGERAH EMAS (RM1000.00)

1. Sekolah Kebangsaan Penaga
2. Sekolah Kebangsaan Pokok Sena

ANUGERAH PERAK (RM600.00)

1. Sekolah Kebangsaan Jawi (Akaun PIBG SK Jawi)
2. Sekolah Kebangsaan Stowell
3. SJKC Keng Koon (Akaun PIBG SJKC Keng Koon)
4. SJKC Kampung Sungai Lembu
5. SJKC Pai Teik, Nibong Tebal
6. SJKC Kwang Hwa, Butterworth
7. Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus
8. Sekolah Kebangsaan Machang Bubok II
9. SJK (Tamil) Perai

ANUGERAH GANGSA (RM300.00)

1. SJKC Lee Chee
2. SJKC Chung Hwa II
3. SJKC Aik Keow, Telok Air Tawar
4. SJKC Kuang Yu
5. Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Perda
6. Sekolah Kebangsaan Bukit Teh
7. Sekolah Kebangsaan Ara Rendang
8. SJKC Chung Hwa 3, Perai
9. SJKC Mah Hua

ANUGERAH KHAS

1. Amalan Sisa Sifar (RM200.00): SJKC True Light
2. Kebersihan dan Penghijauan (RM200.00): Sekolah Kebangsaan Stowell
3. Inovasi dan Kreativiti (RM200.00): SJKC Kwang Hwa, Butterworth
4. Penglibatan Komuniti (RM200.00): Sekolah Kebangsaan Jawi
5. Program 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal) (RM500.00): Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus

Pasukan Kerja LA 21 telah berjaya menjalankan bengkel sekolah hijau sebanyak 32 kali bagi tahun ini. Modul latihan termasuk ceramah kitar semula selama 1.5 jam dan bengkel pengasingan sisa, pengkomposan, membuat jus buah-buahan tertapai (BIM) dan membuat sabun dengan minyak terpakai selama 1 jam. Jumlah masa yang perlu diperuntukkan hanya 2.5 jam sahaja.

Dalam tempoh enam tahun ini, pencapaian sekolah hijau amat membanggakan di mana sekolah telah menjadi pusat pengumpulan bahan-bahan kitar semula bagi komuniti, sisa kantin dan kebun dikomposkan, minyak masak terpakai tidak dibuang, penggunaan bahan-bahan mesra alam, dan sekolah juga menjadi lebih bersih dan hijau. Selain itu, kreativiti dan inovasi pelajar bertambah terutama dalam penjimatan sumber.



DIREKTORAT ENGUATKUASAAN

DIREKTORAT PENGUATKUASAAN

PENDAHULUAN

Direktorat Penguatkuasaan ditubuhkan pada 01 Julai 2010 sempena penjenamaan semula Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Direktorat Penguatkuasaan berperanan menjalankan penguatkuasaan undang-undang yang diperuntukkan dan digunapakai di seluruh Seberang Perai yang meliputi keluasan 738.41 kilometer persegi. Jumlah kakitangan Direktorat Penguatkuasaan adalah seramai 202 orang.

FUNGSI JABATAN

Melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai melibatkan :-

- Penguatkuasaan tempat letak kereta berkupon
- Penguatkuasaan kunci tayar
- Pengurusan dan penyelarasan kupon jam, kupon harian, stiker bulanan dan sewaan petak khas
- Pemantauan, penyelarasan dan penguatkuasaan binaan tanpa kebenaran
- Pemantauan dan penguatkuasaan aktiviti mengotorkan jalan
- Pemeriksaan dan penguatkuasaan aktiviti hiburan
- Penguatkuasaan melibatkan halangan am.
- Penguatkuasaan kenderaan berat dalam kawasan perumahan
- Pengurusan stor sitaan barang rampasan
- Kawalan keselamatan pejabat Yang Dipertua, Setiausaha Perbandaran dan Ibu Pejabat MPSP
- Pemantauan kamera litar tertutup (CCTV)
- Pengeluaran pas pelawat, permit barang lusuh dan sampah-sarap serta kawalan keselamatan Zon Perindustrian Bebas (FIZ)
- Membantu jabatan dalaman dan luaran dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan.

STRUKTUR UNIT DI DIREKTORAT PENGUATKUASAAN

Pengurusan Direktorat Penguatkuasaan diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh tiga orang Penolong Pengarah dan lima orang Penolong Pegawai Penguatkuasa dan dua orang Ketua Pembantu Penguatkuasa Kanan.

Pelaksanaan fungsi-fungsi yang diamanahkan dilakukan oleh unit-unit yang ditubuhkan iaitu Unit Pentadbiran, Unit Tempat Letak Kereta, Unit Tunda, Unit Kunci Tayar, Unit Halangan, Unit Lesen, Unit Kenderaan Berat, Unit Bangunan, Unit CCTV, Unit Kerja Tanah, Unit Khas, Unit Risik dan Unit Kawalan Zon Perindustrian Bebas (FIZ).

UNIT PENTADBIRAN

Menjalankan pentadbiran am jabatan melibatkan urusan kehadiran, cuti, perolehan, fail-fail jabatan, kenderaan dan lain-lain urusan pentadbiran. Tugas memasukkan data kompaun, mengeluarkan notis peringatan dan pemantauan pembayaran kompaun juga dibuat oleh unit ini. Unit ini juga menguruskan dan menyelaras penerimaan dan pengagihan aduan yang diterima setiap hari melalui Sistem aduan BPA MPSP, Sistem Pesanan Ringkas (SMS), panggilan telefon, email, MPSP Watch, pengadu datang sendiri untuk membuat aduan, Ahli Majlis, Yang Berhormat, EXCO, Jendela Pelanggan dan sebagainya kepada unit-unit berkaitan dan memberi maklum balas tindakan ke atas aduan tersebut. Pemantauan Kamera Litar Tertutup (CCTV), Kawalan Ini Pejabat MPSP dan Kawalan Pejabat Yang Dipertua serta Pejabat Setiausaha Perbandaran adalah sebahagian daripada tanggungjawab unit ini.

LAPORAN ADUAN TAHUN 2015

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah Aduan Yang Diselesaikan	835
2.	Jumlah Aduan Yang Belum Diselesaikan	78

UNIT LETAK KERETA

Menjalankan penguatkuasaan tempat letak kereta berkupon di petak letak kereta yang diwartakan di seluruh Seberang Perai mengikut Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) MPSP 1995. Jumlah petak yang telah diwartakan adalah 23,538 petak (sehingga November 2014). Anggaran kompaun yang dikeluarkan adalah sebanyak 480 kompaun sehari. Unit ini juga menguruskan kupon jam, kupon harian, stiker bulanan dan petak khas.

LAPORAN PENGUATKUASAAN LETAK KERETA 2015

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah Kompaun Yang Dikeluarkan Ke Atas Kenderaan	149,915
2.	Jumlah Amaun Yang Dibayar	RM 1, 409 055.50
3.	Notis Peringatan Kepada Pesalah (Mailer)	54, 341
4.	Bilangan Kes Untuk Pendakwaan Ke Jabatan Undang-Undang	36, 033



UNIT KUNCI TAYAR

Menjalankan penguatkuasaan mengikut Perintah 16(1) dalam Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) MPSP 1995. Kawasan operasi adalah sekitar Bandar Bukit Mertajam, Padang Lalang, Bandar Sunway, Megamall Pinang, Jalan Bagan Luar, Bagan Ajam, dan Taman Selat, serta Butterworth.

LAPORAN PENGUATKUASAAN KUNCI TAYAR 2015

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH	JUMLAH BAYARAN
1.	Jumlah Kenderaan Yang Dikunci Tayar	3,943 buah	RM197,150.00



UNIT HALANGAN

Berfungsi untuk menjalankan tugas-tugas berkaitan halangan di tempat awam berdasarkan Seksyen 46 dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Unit ini juga bertindak menjalankan penguatkuasaan berkaitan halangan kenderaan dan struktur binaan.

LAPORAN PENGUATKUASAAN HALANGAN 2015

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Notis Halangan (Motosikal)	11
2.	Jumlah Kompaun Halangan (Motosikal)	-
3.	Jumlah Kompaun Halangan Am Yang Dikeluarkan	96
	Jumlah Amaun Yang Dibayar	RM7,660
4.	Motosikal Yang Disita	-
	Jumlah Amaun Yang Dibayar	-
6.	Notis Kacau Ganggu	6



UNIT LESEN

Unit ini berfungsi untuk membuat pemeriksaan premis perniagaan yang beroperasi dan mengambil tindakan dibawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980 sekiranya peniaga menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah dari MPSP. Unit ini juga bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan ke atas tempat-tempat hiburan. Unit ini juga bertanggungjawab menjalankan penguatkuasaan rampasan ke atas penjaja-penjaja haram.

LAPORAN PENGUATKUASAAN LESEN TAHUN 2015

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah Premis Yang Diperiksa	2,798
2.	Jumlah Kompaun Yang Dikeluarkan Ke Atas Premis	529
3.	Jumlah Amaun Yang Dibayar	RM66,552
4.	Jumlah Premis Hiburan Yang Diperiksa	54
5.	Notis Kacau Ganggu Yang Dikeluarkan	2
6.	Notis Memberhentikan Perniagaan Yang Dikeluarkan	16



UNIT KENDERAAN BERAT

Berfungsi untuk menjalankan tugas-tugas berkaitan penguatkuasaan kenderaan berat berdasarkan Seksyen 48 dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987. Unit ini juga bertindak melakukan penguatkuasaan dan tundaan kenderaan berat.

LAPORAN PENGUATKUASAAN KENDERAAN BERAT 2015

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah Notis	416
2.	Jumlah Kompaun	44
3.	Jumlah Tunda	17



UNIT BANGUNAN

Unit ini berfungsi bagi memantau pematuhan notis dan menjalankan operasi meruntuh binaan tanpa kelulusan berdasarkan Seksyen 70 dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

LAPORAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN TAHUN 2015

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Operasi Meruntuh	71
2.	Operasi Burung Walit (Jabatan Perkhidmatan Kesihatan)	9
3.	Notis Proviso Yang Dikeluarkan	114
4.	Notis Berhenti Kerja	112
5.	Notis Meruntuh	118
6.	Pemantauan Kes Binaan Tanpa Kebenaran	325



UNIT KERJA TANAH

Unit ini bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah MPSP 1992 melibatkan kesalahan mengotorkan jalan oleh lori-lori tanah akibat daripada aktiviti kerja tanah yang dijalankan.

LAPORAN PENGUATKUASAAN KERJA TANAH TAHUN 2015

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Kompaun Kenderaan Mengotorkan Jalan Yang Dikeluarkan	365
2.	Kompaun Kenderaan Mengotorkan Jalan Yang Dibayar	248
3.	Jumlah Amaun Yang Dibayar	RM 25,385.00
4.	Jumlah Kertas Pendakwaan Kesalahan Mengotorkan Jalan	2
5.	Daftar Kes Mahkamah Kompaun Kerja Tanah	0



UNIT KHAS DAN STOR SITAAN

Unit ini merupakan tulang belakang Direktorat Penguatkuasaan dalam melaksanakan penguatkuasaan fizikal seperti operasi meroboh, menunda dan mengalih kenderaan, meruntuh 'billboard', antena dan Menara telekomunikasi, Rumah Burung Walit dan pelbagai tugas fizikal dari jabatan dalaman MPSP.

LAPORAN PENGUATKUASAAN 2015

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Barangan Yang Disita	312
	Jumlah Amaun Yang Dibayar	RM32,377.00
2.	Kenderaan Berat / Buruk Yang Disita	78
	Jumlah Amaun Yang Dibayar	RM16,820.00
3.	Papan Iklan Tanpa Permit Yang Dirobuhkan	76 buah
	Jumlah Amaun Yang Dibayar	RM 0



LAPORAN KERTAS SIASATAN YANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN PENDAKWAAN TAHUN 2015

Bil	KES	BULAN												JUMLAH
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogs	Sept	Okt	Nov	Dis	
1	Perniagaan Tanpa Lesen	8	11	3	0	16	6	6	1	4	1	0	6	62
2	Notis Perniagaan Dihentikan	0	2	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	4
3	Notis Kacau Ganggu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
4	Kerja Tanah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	2
5	Notis Halangan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
6	UUK Taman	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
7	Papan Iklan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		0	13	4	0	16	6	7	1	4	1	0	8	68

LAPORAN KERTAS SIASATAN YANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN TAHUN 2015

Bil	KES	BULAN												JUMLAH
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogs	Sept	Okt	Nov	Dis	
1	Perniagaan Tanpa Lesen	5	18	10	2	1	10	7	3	7	8	2	4	77
2	Notis Perniagaan Dihentikan	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
3	Notis Kacau Ganggu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
4	Kerja Tanah	0	0	2	11	12	7	5	5	7	3	1	0	53
5	Papan Iklan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
6	UUK6 (UUK Taman)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
7	Akta Jalan Parit & Bangunan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		5	18	13	13	13	17	12	8	14	11	3	5	132

UNIT KAWALAN KESELAMATAN ZON PERINDUSTRIAN BEBAS

Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan penyelenggaraan kawasan MPSP bersama Kastam Diraja Malaysia. Fungsi utama unit ini adalah mengawal keluar masuk orang awam dan kenderaan dalam Zon Perindustrian Bebas sepanjang masa.

LAPORAN PENGELUARAN PAS ZON BEBAS, PERMIT DAN BARANGAN DIKELUARKAN DARI F.I.Z TAHUN 2015

BULAN	PENGELUARAN PAS ZON BEBAS KEPADA PEMANDU KENDERAAN/LORI BARANGAN		PERMIT YANG DIKELUARKAN KEPADA SYARIKAT		BARANGAN YANG DIKELUARKAN OLEH LORI DARI ZON F.I.Z	
	JUMLAH PAS	JUMLAH BAYARAN (RM)	JUMLAH SAMPAH	JUMLAH BAHAN TERPAKAI	JUMLAH SAMPAH	JUMLAH BAHAN TERPAKAI
Januari	29	RM29.00	3	4	180	308
Februari	38	RM38.00	-	6	162	279
Mac	36	RM36.00	-	10	206	467
April	20	RM20.00	3	7	214	261
Mei	12	RM12.00	4	6	330	330
Jun	30	RM30.00	-	3	203	355
Julai	63	RM63.00	3	8	230	355
Ogos	46	RM46.00	2	7	261	355
September	39	RM39.00	1	13	182	272
Oktober	28	RM28.00	3	4	239	333
November	18	RM18.00	2	5	306	307
Disember	14	RM14.00	-	5	360	383
Jumlah	373	RM373.00	21	78	2873	4005



JABATAN PELESENAN

JABATAN PELESENAN

STRUKTUR JABATAN

- Terbahagi kepada **3** bahagian utama
 - i) Bahagian Pentadbiran
 - ii) Bahagian Lesen Am dan Industri
 - Unit Lesen Am, Lesen Hiburan dan Permit
 - Unit Lesen Industri
 - iii) Bahagian Penjaja dan Peniaga Kecil
 - Unit Lesen Penjaja
 - Unit Pengurusan Ruang Niaga

FUNGSI UTAMA

- Menerima, memeriksa, memproses dan mengawal pengeluaran semua lesen permis perniagaan dan permit di Seberang Perai.
- Menguatkuasakan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan bagi memastikan semua aktiviti perniagaan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- Menyiasat dan mengambil tindakan terhadap semua aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan tanpa lesen dan semua aduan yang diterima serta mengemukakan laporan.
- Menjalankan kerja-kerja mengumpul maklumat dan statistik berkaitan aktiviti perniagaan dan penjajaan untuk tujuan rekod.
- Mengurus dan mengawal semua ruang niaga Majlis serta mengendalikan temuduga terbuka untuk pengisian kekosongan ruang niaga Majlis.
- Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap penjaja haram.
- Menjalankan pembersihan dan pengurusan pasar awam dan kompleks makanan MPSP.

OBJEKTIF JABATAN PELESENAN

Memastikan semua kegiatan perniagaan dilesenkan untuk tujuan pengawalan dan pematuhan syarat perniagaan mengikut kategori masing-masing (unit am, industri, hiburan dan penjaja)

OBJEKTIF MAJLIS DARI SEGI KAWALAN PEMBANGUNAN

- Memastikan semua premis perniagaan berlesen.
- Meningkatkan penguatkuasaan bagi menjamin keselesaan dan keselamatan warga Seberang Perai daripada kacau ganggu.
- Memastikan peniaga mematuhi syarat pelesenan bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang disediakan.

UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN

- Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974,
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit Dan Bangunan 1980
- Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980
- Undang-Undang Kecil (Iklan) MPSP 2001
- Undang-Undang Kecil Penjaja MPSP 1991
- Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MPSP) 1992
- Undang-Undang Kecil Kedai Makanan Dan Kedai Kopi Kerajaan Tempatan Seberang Perai 1974
- Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran Kerajaan Tempatan Seberang Perai 1975
- Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) MPSP 1990
- Undang-Undang Kecil Perniagaan Yang Berbahaya, Tidak Sihat Atau Yang Mengganggu Dan Setal-Setal Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974
- Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998
- Peraturan-Peraturan Hiburan Pulau Pinang 2001
- Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010

STATISTIK PENGELUARAN LESEN BAGI TAHUN 2015

Jenis Lesen	Permohonan	Lulus	Batal dan Tolak
Lesen Am	2,680	1,615	399
Lesen Industri	290	133	78
Lesen Penjaja	673	529	92
Lesen Veterinar	20	14	6

RUANG NIAGA MAJLIS

- Kadar sewaan bulanan yang dikenakan untuk menyewa ruang-ruang niaga tersebut adalah seperti berikut:-

Kadar Baru Selepas Kajian Semula (KADAR STANDARD) (Pasar Awam)									
JENIS JUALAN	Kadar Sewaan Sebelum Semakan (RM)	Kadar Sewa Baru							
		Kategori 1 (100%) (RM)		Kategori 2 (60%) (RM)		Kategori 3 (40%) (RM)		Kategori 4 (20%) (RM)	
		Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014	Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014	Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014	Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014
SAYUR	65	130	130	105	104	90	90	80	78
DAGING LEMBU	65	130	130	105	104	90	90	80	78
DAGING KAMBING	65	130	130	105	104	90	90	80	78
DAGING KHINZIR	65	130	130	105	104	90	90	80	78
IKAN	75	150	150	120	120	105	105	90	90
AYAM PROSES	75	150	150	120	120	105	105	90	90
BRG AM/RUNCIT	65	130	130	105	104	90	90	80	78
BUAH-BUAHAN	65	130	130	105	104	90	90	80	78
GERAI TERTUTUP	120	240	240	190	190	170	168	145	144
PETAK: AM	30	60	60	50	48	40	40	35	35
PETAK: MAKANAN	30	60	60	50	48	40	40	35	35
PETAK: PELBAGAI	30	60	60	50	48	40	40	35	35

Kadar Baru Selepas Kajian Semula (KADAR STANDARD) (Kompleks Makanan)									
JENIS JUALAN	Kadar Sewaan Sebelum Semakan (RM)	Kadar Sewa Baru							
		Kategori 1* (RM)		Kategori 2 (RM)		Kategori 3 (RM)		Kategori 4 (RM)	
		Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014	Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014	Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014	Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014
Petak terbuka tanpa bumbung	30	60	60	50	48	40	40	35	35
Petak terbuka berbumbung	60	120	120	95	95	85	84	70	70
Gerai tertutup & berbumbung (tidak berkunci)	90	180	180	145	144	125	125	110	108
Gerai tertutup & berbumbung	120	240	240	190	190	170	168	145	144

* Perjumpaan diantara Yang Dipertua dan Tuan Setiausaha Perbandaran bersama Ahli Majlis pada 17 Oktober 2014 memutuskan kadar sewa Pasar Awam Seberang Jaya dan Kompleks Makanan Jalan Tenggiri dinaikkan sebanyak 60% sahaja. Sekiranya dibuat naiktaraf, kadar sewa akan dikaji semula.

Kadar Baru Selepas Kajian Semula (BUKAN KADAR STANDARD) PASAR AWAM (KATEGORI 1 – KENAIKAN 100%)						
DAERAH	GERAI/PASAR AWAM	JENIS JUALAN	KADAR SEWA SEBULAN (RM)			KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER 2014
			KADAR STANDARD	SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	
SPT	Kompleks Penjaja Di Pasar Awam Taman Chai Leng	Gerai Tertutup, Berbumbung, Berkunci	120.00	90.00	240.00	180.00
SPT	Pasar Awam Seberang Jaya <small>* Perjumpaan diantara Yang DiPertua dan Tuan Setiausaha Perbandaran bersama Ahli Majlis pada 17 Oktober 2014 memutuskan kadar sewa Pasar Awam Seberang Jaya dan Kompleks Makanan Jalan Tenggori dinaikkan sebanyak 60% sejaja.</small>	Gerai Tertutup, Berbumbung, Tidak Berkunci	90.00	75.00	180.00	150.00
SPU	Gerai Khinzir Di Pekan Kepala Batas	Gerai Khinzir	65.00	52.00	130.00	104.00
SPS	Pasar Awam Taman Berjaya	Ikan	75.00	60.00	150.00	120.00
		Sayur	65.00	60.00	130.00	120.00
		Daging Lembu	65.00	60.00	130.00	120.00
		Daging Kambing	65.00	60.00	130.00	120.00
		Daging Khinzir	65.00	50.00	130.00	100.00
		Ayam Proses	75.00	50.00	150.00	100.00
		Gerai Tertutup	120.00	120.00	240.00	240.00
		Petak	30.00	30.00	60.00	60.00

Kadar Baru Selepas Kajian Semula (BUKAN KADAR STANDARD) KOMPLEKS MAKANAN (KATEGORI 2 – KENAIKAN 60%)						
DAERAH	KOMPLEKS MAKANAN	JENIS JUALAN	KADAR SEWA SEBULAN (RM)			KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER
			KADAR STANDARD	SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	
SPT	Lebu Kurau 5	Petak Terbuka Berbumbung	60.00	30.00	95.00	48.00

Kadar Baru Selepas Kajian Semula
(BUKAN KADAR STANDARD)
PASAR AWAM
(KATEGORI 3 – KENAIKAN 40%)

DAERAH	PASAR AWAM	JENIS JUALAN	KADAR SEWA SEBULAN (RM)			KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER
			KADAR STANDARD	SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	
SPU	PASAR AWAM SUNGAI DUA	Ikan	75.00	60.00	105.00	84.00
		Sayur	65.00	52.00	90.00	72.80
		Daging Lembu	65.00	52.00	90.00	72.80
		Daging Khinzir	65.00	52.00	90.00	72.80
		Ayam Proses	75.00	60.00	105.00	84.00
		Gerai Tertutup	120.00	96.00	170.00	134.40
SPU	PASAR AWAM TASEK GELUGOR	Ikan	75.00	60.00	105.00	84.00
		Sayur	65.00	52.00	90.00	72.80
		Daging Lembu	65.00	52.00	90.00	72.80
		Daging Khinzir	65.00	52.00	90.00	72.80
		Ayam Proses	75.00	60.00	105.00	84.00
		G/T: Am/Runcit	120.00	96.00	170.00	134.40
		G/T: Makanan	120.00	96.00	170.00	134.40
		Petak	30.00	30.00	40.00	40.00

Kadar Baru Selepas Kajian Semula (BUKAN KADAR STANDARD) PASAR AWAM (KATEGORI 3 – KENAIKAN 40%)						
DAERAH	PASAR AWAM	JENIS JUALAN	KADAR STANDARD	KADAR SEWA SEBULAN (RM)		
				SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER
SPT	PASAR AWAM SRI PENANTI	Ikan	75	60.00	105.00	84.00
		Sayur	65	52.00	90.00	72.80
		Daging Lembu	65	52.00	90.00	72.80
		Ayam Proses	75	60.00	105.00	84.00
		G/T: Am/Runcit	120	96.00	170.00	134.40
		G/T: Buah-Buah	120	96.00	170.00	134.40
		Petak Makanan Terbuka Berbumbung	60	45.00	85.00	63.00
		Pelbagai (meja) Terbuka Berbumbung	60	52.00	85.00	72.80
SPT	PASAR AWAM BERAPIT	Ayam	75	65.00	105.00	91.00
SPS	PASAR AWAM SUNGAI BAKAP	Ikan	75	60.00	105.00	84.00
		Sayur	65	60.00	90.00	84.00
		Daging Lembu	65	60.00	90.00	84.00
		Daging Khinzir	65	60.00	90.00	84.00
		Ayam Proses	75	60.00	105.00	84.00
		G/T: Makanan	120	120.00	170.00	168.00
		G/T: Brg Runcit	120	120.00	170.00	168.00
		G/T : Brg Am	120	200.00	280.00	280.00

Kadar Baru Selepas Kajian Semula (BUKAN KADAR STANDARD) KOMPLEKS MAKANAN (KATEGORI 3 – KENAIKAN 40%)						
DAERAH	KOMPLEKS MAKANAN	JENIS JUALAN	KADAR STANDARD	KADAR SEWA SEBULAN (RM)		
				SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER
SPU	Kompleks Teluk Air Tawar Indah	Gerai Tertutup	120.00	70.00	170.00	98.00
SPU	Kompleks Sg Puyu	Gerai Terbuka Berbumbung	60.00	30.00	85.00	42.00
SPT	Kompleks PPS Jalan Perusahaan 8A	Gerai Tertutup	120.00	60.00	170.00	84.00
SPT	Kompleks PPS Jalan Perusahaan 8B	Gerai Tertutup	120.00	60.00	170.00	84.00

- Ruang niaga Majlis ditawarkan untuk sewaan kepada penjaja-penjaja di seluruh Seberang Perai melalui **temuduga terbuka** yang diadakan **2 kali pada setiap bulan** di MPSP.
- Temuduga terbuka yang diadakan akan dianggotai oleh panel Ahli Majlis MPSP dan diurusetikan oleh Jabatan Pelesenan.

STATISTIK PENGISIAN RUANG NIAGA BAGI TAHUN 2015

BULAN	KOMPLEKS		PASAR AWAM	
	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL
JANUARI	35	11	34	14
FEBRUARI	7	15	16	7
MAC	17	14	21	2
APRIL	17	20	13	9
MEI	14	7	25	26
JUN	15	13	85	35
JULAI	6	17	14	4
OGOS	32	11	87	45
SEPTEMBER	12	4	23	19
OKTOBER	17	13	18	23
NOVEMBER	10	5	57	10
DISEMBER	33	19	10	12
JUMLAH	215	149	403	206

JUMLAH RUANG NIAGA MAJLIS YANG AKTIF SEHINGGA TAHUN 2015

JENIS	JUMLAH PASAR / KOMPLEKS	JUMLAH RUANG NIAGA
PASAR AWAM	28	3694
KOMPLEKS	63	1463

KUTIPAN HASIL JABATAN PELESENAN BAGI TAHUN 2012, 2013, 2014 dan 2015

KETERANGAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)			
	2012	2013	2014	2015
Lesen Industri	1,502,577.50	1,771,601.50	1,996,906.00	1,555,182.00
Lesen Perniagaan	4,236,816.50	4,966,208.00	6,163,621.50	5,836,440.00
Lesen Hiburan	82,369.00	85,306.00	75,098.00	61,415.00
Lesen Penjaja	536,952.80	556,274.60	584,903.80	508,373.40
Pasar Malam	-	-	-	140.00
Permit Iklan (Pelesenan)	624,090.00	479,315.00	595,672.00	645,296.00
Permit Perniagaan Sementara	50,550.00	50,510.00	41,550.00	47,780.00
Permit Pelesenan (Kanopi)	30,600.00	38,920.00	37,480.00	39,360.00
Permit Meja Tambahan	182,040.00	178,380.00	137,192.00	45,710.00
Sewaan Pasar Awam/Kompleks	3,379,795.00	3,498,683.50	4,093,811.80	5,998,287.82
Kompaun Jabatan Pelesenan	234,040.00	273,845.00	339,741.50	243,939.00
Denda Permit Memasang Banner/Sepanduk/Kain Rentang	0	1,480.00	4,540.00	14,000.00
JUMLAH	10,859,830.80	11,900,523.60	14,070,516.60	14,995,923.22

KAJIAN HASIL KUTIPAN JABATAN PELESENAN 3 TAHUN

LESEN DAN PERMIT						
Bil	Kod	Keterangan	01/01/2013 – 31/12/2013	01/01/2014 – 31/12/2014	01/01/2015 – 31/12/2015	% Beza 2015
1.	71100	Perindustrian	RM1,771,601.50	RM1,996,906.00	RM1,555,182.00	-28.40
2.	71200	Perniagaan	RM4,966,208.00	RM6,163,621.50	RM5,836,440.00	-5.61
3.	71300	Hiburan	RM85,306.00	RM75,098.00	RM61,415.00	-22.28
4.	71400	Veterinar, Ternakan Haiwan & Laut	RM86,102.00	RM99,047.00	RM83,485.20	-18.64
5.	71500	Tempat Menyediakan Makanan	RM324,068.00	RM334,432.00	RM294,244.00	-13.66
6.	71612	Lesen Penjaja (71600,71610, 71614, 71615 & 71616)	RM146,104.60	RM151,424.80	RM130,644.20	-15.91
7.	71710	Pasar Malam	-	-	RM140.00	100
8.	71760	Permit Iklan (Pelesenan)	RM479,315.00	RM595,672.00	RM645,296.00	7.69
9.	71770	Permit Perniagaan Sementara	RM50,510.00	RM41,550.00	RM47,780.00	13.04
10.	71780	Permit Pelesenan (Kanopi)	RM38,920.00	RM37,480.00	RM39,360.00	4.78
11.	71800	Permit Meja Tambahan	RM178,380.00	RM137,192.00	RM45,710.00	-200.14
JUMLAH			RM8,126,515.10	RM9,632,423.30	RM8,739,696.40	-10.21

KAJIAN HASIL KUTIPAN JABATAN PELESENAN 3 TAHUN

SEWAAN						
Bil	Kod	Keterangan	01/01/2013 – 31/12/2013	01/01/2014 – 31/12/2014	01/01/2015 – 31/12/2015	% Beza 2015
1.	74400	Sewaan Gerai Kompleks	RM1,208,090.00	RM1,364,679.00	RM1,633,190.64	16.44
2.	74403	Sewaan Gerai Pasar Awam Kompleks Penjaja	RM2,290,593.50	RM2,729,132.80	RM4,079,319.88	33.10
3.	74403	Tidak Aktif (Terbengkalai)	-	-	RM285,777.30	100.00
JUMLAH			RM3,498,683.50	RM3,498,683.50	RM5,998,287.82	41.67

DENDA DAN HUKUMAN						
Bil	Kod	Keterangan	01/01/2013 – 31/12/2013	01/01/2014 – 31/12/2014	01/01/2015 – 31/12/2015	% Beza 2015
1.	76410	Kompaun Jabatan Pelesenan	RM273,845.00	RM339,741.50	RM243,939.00	-39.27
2.	76470	Denda Permit Memasang Banner/Kain Rentang Untuk Cagaran (Pelesenan)	RM1,480.00	RM4,540.00	RM14,000.00	67.57
JUMLAH			RM275,325.00	RM344,281.50	RM257,939.00	-33.47



JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

Jabatan ini bertanggungjawab menguruskan pendaftaran dan pengeluaran Sijil Penubuhan JMB, menyelaras aduan berkaitan bangunan bertingkat dan memberi khidmat nasihat berkaitan Akta 757 kepada pembeli / pemilik petak skim perumahan berstrata di kawasan Seberang Perai

UNIT-UNIT DI JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN :

- Unit Pentadbiran
- Unit Kewangan dan Akaun
- Unit Teknikal dan Penguatkuasaan

FUNGSI – FUNGSI JABATAN :

- Memastikan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) bagi setiap kawasan pemajuan bertingkat di bawah Akta 757 [Akta Pengurusan Strata].
- Menguruskan pendaftaran dan pengeluaran sijil penubuhan JMB.
- Menangani aduan berkaitan bangunan bertingkat, penubuhan JMB/MC, pertikaian berkenaan akaun penyelenggaraan bangunan dan lain-lain.
- Menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan, mengikut peruntukan di bawah Akta 757.
- Mengumpul dan menyelaras data-data berkaitan bangunan berstrata untuk kegunaan Jabatan, Pihak Berkuasa Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- Memberi khidmat nasihat berkaitan Akta 757 .

Status Badan Pengurusan Strata Di MPSP

Jumlah Kawasan Pemajuan Berstrata di MPSP

963 kawasan pemajuan (66,296 petak)	SPU = 380 (23,070 petak) SPT = 506 (37,562 petak) SPS = 77 (5,664 petak)
---	--

Kategori Kawasan Pemajuan Berstrata Mengikut Bilangan Petak

11 Petak dan ke Atas : 406 kaw. pemajuan (64,376 petak)	SPU = 150 (22,387 petak) SPT = 217 (36,465 petak) SPS = 39 (5,524 petak)
10 Petak dan ke Bawah : 557 kaw. pemajuan (1,920 petak)	SPU = 230 (683 petak) SPT = 289 (1,097 petak) SPS = 38 (140 petak)
Jumlah : (406 + 557) = 963 kawasan pemajuan	

Status Badan Pengurusan (JMB/MC) Bagi Bilangan 11 Petak & Ke Atas Bagi Kawasan MPSP

JMB sedia ada (bersijil) : 127	SPU = 62 (10,323 petak) SPT = 48 (13,685 petak) SPS = 17 (2,005 petak)
MC sedia ada (bersijil) : (Seksyen 41 Akta 318) 116	SPU = 46 (7,746 petak) SPT = 61 (12,414 petak) SPS = 9 (2,078 petak)
MC automatik @ Telah buka Buku Daftar Strata: (Seksyen 39 Akta 318) 116	SPU = 28 (2,758 petak) SPT = 81 (6,839 petak) SPS = 7 (885 petak)
Belum tubuh JMB/MC : 47	SPU = 14 (1,504 petak) SPT = 27 (3,527 petak) SPS = 6 (556 petak)

Jumlah : 406 skim pemajuan

Status Badan Pengurusan (JMB/MC) Bagi Bilangan 10 Petak & Ke Bawah Bagi Kawasan MPSP	
JMB sedia ada (bersijil) : 3	SPU = 2 (12 petak) SPT = 1 (1 petak) SPS = 0
MC sedia ada (bersijil) : (Seksyen 41 Akta 318) 0	SPU = 0 SPT = 0 SPS = 0
MC automatik @ Telah buka Buku Daftar Strata : (Seksyen 39 Akta 318) 256	SPU = 57 (116 petak) SPT = 161 (695 petak) SPS = 38 (140 petak)
Belum tubuh JMB/MC : 298	SPU = 171 (555 petak) SPT = 127 (401 petak) SPS = 0
Jumlah : 557 skim pemajuan	

Ringkasan aktiviti – Jabatan COB

Bil	Aktiviti	2013	2014	2015
1.	Pengeluaran Sijil JMB	14	18	17
2.	Menghadiri mesyuarat / taklimat jemputan JMB/MC	85	93	72
3.	Menyelaras mesyuarat yang dipengerusikan oleh COB	16	18	20
4.	Menangani aduan berkaitan skim berstrata	488	455	352
5.	Mengadakan Taklimat /seminar tahunan berkaitan JMB/MC	1 a) Seminar Pemahaman Akta 757	1 a) Seminar Pemahaman Akta 757	2 a) Kursus Intensif Pengurusan dan Pentadbiran JMB/MC Rumah Kos Rendah/Sederhana Rendah Bagi Kawasan MPSP b) Anugerah Pengurusan JMB/MC terbaik 2015 Kategori Kos Rendah & Sederhana Rendah

Ringkasan Data Aduan Jan – Dis 2015

Bil.	JENIS ADUAN	Status	
		Terima	Selesai Dalam Tempoh 3 hari Bekerja
1	Mesyuarat (Semua aduan berkaitan mesyuarat yang melibatkan Badan termasuk berkaitan tujuan penubuhan Badan)	6	6
2	Pentadbiran dan Pengurusan (Semua aduan berkaitan pentadbiran dan pengurusan Pemaju/Badan/Ejen termasuk tanggungjawab, kerjasama, pertikaian)	51	51
3	Penyelenggaraan dan Kerosakan (Semua aduan berkaitan penyelenggaraan dan kerosakan bangunan dan harta bersama)	113	111
4	Isu Kewangan (Semua aduan berkaitan kewangan termasuk caj penyelenggaraan, akaun penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penjelas)	6	6
5	Khidmat Nasihat (Semua khidmat nasihat dan pandangan yang diberi kepada pengadu)	30	30
6	Penguatkuasaan COB (Semua aduan berkaitan penguatkuasaan COB dan Akta)	7	7
7	Lain-Lain (Sila nyatakan jenis aduan yang diterima)	139	139
	JUMLAH	352	350

FOTO – FOTO BERKAITAN AKTIVITI PESURUHJAYA BANGUNAN







JABATAN KORPORAT & PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

STATISTIK MESYUARAT LUARAN YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI (JANUARI HINGGA DISEMBER 2015)

BIL.	BULAN	BILANGAN MESYUARAT
1	JANUARI	46
2	FEBRUARI	34
3	MAC	68
4	APRIL	71
5	MEI	48
6	JUN	55
7	JULAI	46
8	OGOS	72
9	SEPTEMBER	59
10	OKTOBER	84
11	NOVEMBER	59
12	DISEMBER	49
JUMLAH		691

**STATISTIK MESYUARAT AD HOC
(JANUARI HINGGA DISEMBER 2015)**

BIL.	BULAN	BILANGAN MESYUARAT
1	JANUARI	7
2	FEBRUARI	6
3	MAC	9
4	APRIL	9
5	MEI	12
6	JUN	9
7	JULAI	2
8	OGOS	19
9	SEPTEMBER	10
10	OKTOBER	9
11	NOVEMBER	5
12	DISEMBER	4
JUMLAH		101

**STATISTIK SOALAN DUN MENGIKUT PENGGAL
BAGI TAHUN 2015**

M1P3KE -13 (30 APRIL- 15 MEI 2015)			
BIL.	SOALAN LISAN	SOALAN BERTULIS	JUMLAH
1.	22	170	192

M2P3KE -13 (6 NOVEMBER - 20 NOVEMBER 2015)			
BIL.	SOALAN LISAN	SOALAN BERTULIS	JUMLAH
1.	17	173	190

**LAPORAN ADUAN MELALUI E-MEL
(JANUARI HINGGA DISEMBER 2015)**

BIL.	BULAN	BILANGAN KES DITERIMA	BILANGAN KES SELESAI
1	JANUARI	35	35
2	FEBRUARI	29	29
3	MAC	32	32
4	APRIL	31	31
5	MEI	28	28
6	JUN	41	41
7	JULAI	30	30
8	OGOS	28	28
9	SEPTEMBER	46	46
10	OKTOBER	43	43
11	NOVEMBER	27	27
12	DISEMBER	28	28
JUMLAH		398	398

**LAPORAN ADUAN MELALUI "MPSP WATCH- BETTER PENANG"
(JANUARI HINGGA DISEMBER 2015)**

BIL.	BULAN	BILANGAN KES DITERIMA	BILANGAN KES SELESAI
1	JANUARI	276	276
2	FEBRUARI	194	194
3	MAC	253	253
4	APRIL	293	293
5	MEI	276	276
6	JUN	267	267
7	JULAI	179	179
8	OGOS	238	238
9	SEPTEMBER	253	253
10	OKTOBER	243	243
11	NOVEMBER	354	354
12	DISEMBER	337	337
JUMLAH		3163	3163

LAPORAN ADUAN MELALUI SURAT (JANUARI HINGGA DISEMBER 2015)

BIL.	BULAN	BILANGAN KES DITERIMA	BILANGAN KES SELESAI
1	JANUARI	20	20
2	FEBRUARI	33	33
3	MAC	33	33
4	APRIL	23	23
5	MEI	20	20
6	JUN	23	23
7	JULAI	20	20
8	OGOS	14	14
9	SEPTEMBER	22	22
10	OKTOBER	28	28
11	NOVEMBER	28	28
12	DISEMBER	14	14
JUMLAH		278	278

PROGRAM KUALITI MPSP TAHUN 2015

Pada tahun 2015, MPSP telah menghasilkan buku Fokus MPSP 2015. Fokus ini merupakan pelan perancangan tahunan MPSP yang diterjemahkan dari Pelan Strategi Lima (5) Tahun MPSP. Ianya satu tindakan jangka pendek yang dirangka bagi memastikan pelan strategi MPSP dicapai menjelang 2018 nanti.

Sembilan (9) Fokus Strategi yang telah dibentuk adalah seperti berikut :-

1. Kebersihan
2. Keselamatan & Lalulintas
3. Penguatkuasaan Undang - Undang
4. Kawalan Banjir
5. Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam
6. Penglibatan Komuniti
7. Pembinaan Kapasiti
8. Pengukuhan Fiskal
9. Kecekapan Proses Kerja




Kesemua Fokus Strategi ini didokong oleh 49 Objektif Strategi bagi mencapai Visi dan Misi MPSP yang telah ditetapkan. Pencapaian Fokus MPSP 2015 adalah seperti berikut : -

Pencapaian Fokus MPSP 2015

Kebersihan	93.40 %
Keselamatan & Lalulintas	87.50 %
Penguatkuasaan	106.37 %
Kawalan Banjir	100.00 %
Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam	79.60 %
Penglibatan Komuniti	86.50 %
Pembinaan Kapasiti	96.75 %
Pengukuhan Fiskal	166.37 %
Kecekapan Proses Kerja	90.91 %

2015

100.82 %



PENCAPAIAN KUALITI

1. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Berintegrasi (IMS)

Berkuatkuasa 1 Mei 2015, MPSP telah mengintegrasikan dokumentasi dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti seperti berikut:

- a) ISO 9001:2008 (QMS)
- b) ISO 14001:2004 (EMS)
- c) OHSAS 18001:2007 (OSHMS)
- d) ISO 50001:2011 (EnMS)

Sistem ini dinamakan Sistem Pengurusan Berintegrasi. Skop pendaftaran baru bagi Sistem Pengurusan Berintegrasi adalah:


Pengurusan Perkhidmatan MPSP Di Seberang Perai meliputi:

- i. Kelulusan dan Kawalan Pembangunan
- ii. Penilaian Harta Berkadar
- iii. Penyelenggaraan Pembersihan
- iv. Penyelenggaraan Landskap
- v. Pelesenan

lanya turut merangkumi Skop Pengurusan Utiliti (Tenaga Elektrik dan Air) di Bangunan Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di mana tenaga elektrik adalah dalam aspek pelaksanaan sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011.

Dokumentasi yang diintegrasikan:

- a) Manual
- b) Prosedur Tindakan Pembetulan
- c) Prosedur Kawalan Ketidakpatuhan
- d) Prosedur Audit Dalaman
- e) Prosedur Kawalan Dokumen
- f) Prosedur Kawalan Rekod
- g) Prosedur Perundangan & Lain-Lain Keperluan
- h) Prosedur Pemantauan Dan Pengukuran
- i) Prosedur Latihan
- j) Prosedur Perolehan



2. Pengiktirafan The Malaysia Book Of Records

Pada 16 Februari 2015, MPSP telah memohon kepada *The Malaysian Book of Records* (MBR) secara rasmi untuk disenaraikan dalam *The Malaysia Book Of Records* sebagai Pihak Berkuasa Tempatan pertama yang mendapat Lima (5) Persijilan bagi Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti. Sehubungan dengan itu, pada 13 April 2015, MPSP telah menerima surat pengesahan daripada MBR bahawa MPSP telah disenaraikan dalam *The Malaysia Book Of Records* sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama yang telah mendapat Lima (5) Persijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti iaitu Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008, Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004, Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007, Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 dan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti (5S).

Majlis Penyerahan Sijil *The Malaysia Book Of Records* telah diadakan di The Grand Ballroom, Tingkat 1, Hotel Ixora, Jalan Baru, Perai pada 3 Ogos 2015. Majlis ini disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang.





3. Anugerah Kualiti Sirim

Pada 12 Jun 2015, MPSP telah menghantar penyertaan bagi Anugerah Kualiti SIRIM 2015 yang dianjurkan oleh SIRIM Berhad. Sehubungan dengan penyertaan tersebut, MPSP telah disenarai pendek untuk Anugerah Kualiti SIRIM 2015 (Organisasi) dalam Kategori Agensi Kerajaan. Satu lawatan oleh Panel Juri dari SIRIM Berhad ke MPSP telah diadakan pada 10 September 2015.

Pada 20 Oktober 2015, MPSP telah menerima surat rasmi daripada SIRIM Berhad bahawa MPSP dipilih sebagai Pemenang bagi Anugerah Kualiti SIRIM 2015 (Organisasi) untuk Kategori Agensi Kerajaan.

Majlis penyampaian anugerah telah diadakan pada Majlis SIRIM-Industri 2015 yang diadakan pada 13 November 2015 di Sunway Resorts Hotel & Spa, Bandar Sunway, Selangor. Majlis SIRIM-Industri 2015 disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Panglima Madius Tangau dan dihadiri oleh Pengerusi SIRIM, YBhg. Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajauddin Ali serta Agensi-Agensi Kerajaan dan Agensi Bukan Kerajaan.



En. Mat Nasir B. Hassan (Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta) menerima anugerah mewakili YBhg Dato' Yang Dipertua

4. Pertandingan Kik Peringkat Negeri Pulau Pinang

Dalam Konvensyen KIK Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 6 Oktober 2015, MPSP telah berjaya mendapat Tempat kedua dan mendapat Persembahan Terbaik bagi Projek Lori Kompaktor Berirama.



5. Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Peringkat Negeri Pulau Pinang 2015

MPSP telah dipilih sebagai Johan dalam pertandingan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang (AIPBT) bagi perkhidmatan Kaunter Multiskill dan Naib Johan bagi Sistem Pemantauan Pintar dalam satu majlis yang diadakan pada 27 Oktober 2015.



6. Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA)

MPSP merupakan di antara enam (6) PBT yang disenarai pendek bagi AIBT 2015 dan susulan daripada itu, MPSP merupakan di antara tiga (3) PBT yang telah dipilih untuk ke finalis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA).

MPSP telah tersenarai untuk Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) bagi kategori AIPBT. AISA merupakan penganugerahan peringkat kedua tertinggi (second tier) bagi mengiktiraf agensi sektor awam yang berjaya menampilkan pelbagai penyelesaian kreatif dalam empat (4) bidang khusus Pengurusan Sektor Awam yang dikenal pasti sebagai kritikal dalam jentera transformasi Kerajaan iaitu Pengurusan Kewangan, Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan serta Pentadbiran Daerah dan Tanah. Setelah penilaian dibuat, MPSP telah terpilih memenangi Tempat Kedua dalam anugerah ini pada 16 Disember 2015.



LAWATAN DARIPADA LUAR NEGARA KE MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI 2015

1.	Lawatan daripada <i>City Of Yokohama</i> , Jepun dan <i>Yokohama City University</i> ke Seberang Perai dari 25 hingga 28 Januari 2015
2.	Lawatan daripada Encik Thoshihiko Oyamatsu daripada <i>City of Yokohama</i> pada 24 Jun 2015.
3.	Lawatan daripada Puan Okubo daripada JICA pada 30 Julai 2015
4.	Lawatan daripada Encik Victorino Aquitania daripada REXCOM ICLEI (Southeast Asia) pada 5 hingga 8 Ogos 2015.
5.	Lawatan daripada Encik Hideo Ikami daripada JICA pada 20 Ogos 2015.
6.	Lawatan bagi <i>Seberang Perai Training Programs With The Centre For Liveable Cities (CLC) & Temasek Foundations On Batu Kawan Eco Town</i> pada 7 hingga 9 Disember 2015
7.	Lawatan daripada Pegawai Bandar Metropolitan Gwangju, Korea pada 14 hingga 16 Disember 2015

LAWATAN DARIPADA CITY OF YOKOHAMA, JEPUN DAN YOKOHAMA CITY UNIVERSITY KE SEBERANG PERAI DARI 25 HINGGA 28 JANUARI 2015

City Of Yokohama, Jepun dan *Yokohama City University* telah mengadakan lawatan ke Seberang Perai dari 25 hingga 28 Januari 2015. Lawatan ini adalah bagi membincangkan hubungan kerjasama di antara *City of Yokohama* dan *Yokohama City University* di dalam *friendship city* yang telah dicadangkan.

Proposal MPSP yang menekankan kepada:-

- i. Meningkatkan hubungan kerjasama dan pertukaran maklumat di dalam urban planning, urban design dan smart cities yang mana memberi penekanan kepada cara yang terbaik bagi meningkatkan kualiti hidup dan memberi kemakmuran kepada rakyat.
- ii. Menggalakan *capacity building projects* di antara golongan profesional dengan organisasi yang mana bagi membina asas yang kukuh untuk kerjasama pada masa hadapan.
- iii. Menggalakan komunikasi dan pertukaran di antara kedua-dua bandar bagi mengekalkan hubungan yang kukuh untuk sentiasa berkongsi idea dan pendapat.



Mesyuarat bersama YBhg. Dato' YDP bagi membincangkan pembangunan Bukit Mertajam berkonsepkan Urban Design Jepun



Lawatan semasa di George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)



Lawatan tapak telah diadakan di 99 Door Mension dan Bandar Butterworth

LAWATAN DARIPADA ENCIK THOSHIHIKO OYAMATSU DARIPADA CITY OF YOKOHAMA PADA 24 JUN 2015.

Wakil daripada *City of Yokohama* Encik Thoshihiko Oyamatsu mengadakan lawatan singkat ke MPSP pada 24 Jun 2015. Lawatan ini adalah susulan daripada lawatan sebelum ini bagi memperincikan perjanjian persahabatan yang akan ditandatangani pada bulan Oktober.



YBhg. Dato' YDP bersama Encik Thoshihiko Oyamatsu dan Puan Norliza, Timbalan Pengarah Perancang Bandar semasa lawatan Encik Thoshihiko Oyamatsu.

LAWATAN DARIPADA PUAN OKUBO DARIPADA JICA PADA 30 JULAI 2015



Puan Siti Haslinda Binti Hasan, Pengarah Korporat dan Perhubungan Antarabangsa memberikan cenderahati kepada Puan Okubo



Gambar beramai-ramai bersama Puan Okubo

LAWATAN DARIPADA ENCIK VICTORINO AQUITANIA DARIPADA REXCOM ICLEI (SOUTHEAST ASIA) PADA 5 HINGGA 8 OGOS 2015.

Encik Victorino Aquitania dan Puan Camille Joy Baldo wakil daripada REXCOM ICLEI (Southeast Asia) Filipina telah mengadakan lawatan ke MPSP pada 5 hingga 8 Ogos 2015.

Lawatan ini adalah bagi memberi penerangan kepada MPSP merupakan ahli baru International Council of Local Environmental Initiative (ICLEI) dan YBhg. Dato' pula merupakan ahli REXCOM dan GEXCOM ICLEI.



Gambar semasa lawatan Encik Victorino Aquitania daripada REXCOM ICLEI

LAWATAN DARIPADA ENCIK HIDEO IKAMI DARIPADA JICA PADA 20 OGOS 2015

Encik Hideo Ikami wakil pertama daripada *Japan International Cooperation Agency* (JICA) telah mengadakan lawatan pada 20 Ogos 2015.



Gambar semasa lawatan Encik Hideo Ikami wakil daripada JICA


LAWATAN BAGI SEBERANG PERAI TRAINING PROGRAMS WITH THE CENTRE FOR LIVEABLE CITIES (CLC) & TEMASEK FOUNDATIONS ON BATU KAWAN ECO TOWN PADA 7 HINGGA 9 DISEMBER 2015

Lawatan daripada *Centre For Liveable Cities (CLC)* & *Temasek Foundation* adalah susulan daripada lawatan YBhg. Dato' Yang Dipertua ke Singapura sempena menghadiri *Temasek Foundation Leaders in Urban Government Programme 2015*.

Lawatan ini diadakan bagi memberi khidmat nasihat melalui kursus dengan MPSP yang telah diadakan di Sunway Hotel pada 7 dan 8 Disember di Hotel Sunway. Khidmat nasihat ini juga diperlukan bagi pembangunan *Eco City Batu Kawan*.



Perbincangan yang telah diadakan di Galeri PDC Batu Kawan





Suasana semasa kursus di Hotel Sunway, Seberang Jaya

LAWATAN DARIPADA PEGAWAI BANDAR METROPOLITAN GWANGJU, KOREA PADA 14 HINGGA 16 DISEMBER 2015

Pada 14 hingga 16 Disember 2015 dua (2) orang pegawai daripada Bandar Metropolitan Gwangju, Korea telah mengadakan lawatan ke MPSP bagi membincangkan program kemasyarakatan yang sesuai untuk diadakan bersama.

Di dalam lawatan ini MPSP telah mempromosikan *Butterworth Fringe Festival (BFF)* yang akan diadakan bulan Mei 2016.





Semasa pembentangan mengenai Butterworth Fringe Festival (BFF)



Gambar semasa lawatan dua (2) orang pegawai daripada Bandar Metropolitan, Gwangju Korea

**LAWATAN / CONFERENCE/ KURSUS/ SEMINAR KE LUAR NEGARA
OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

1.	<i>Resilient Cities Asia Pacific 2015</i> , pada 11 hingga 13 Februari 2015 di <i>Swissotel Nai Lert Park, Bangkok, Thailand</i> .
2.	<i>The Regional Public Space Conference, Manila Filipina</i> pada 26 Februari hingga 1 Mac 2015 di Manila, Filipina.
3.	<i>2nd International Conference on Local Government, Dhaka Bangladesh</i> pada 27 hingga 28 Mac 2015 di Dhaka, Bangladesh.
4.	<i>ICLEI World Congress 2015</i> pada 6 hingga 13 April 2015 di Seoul Korea
5.	<i>Platforma Seminar For Dialogue and Capacity Building of Local and Regional Authorities</i> pada 28 April hingga 1 Mei 2015 di Manila, Philippines
6.	<i>Temasek Foundation Leaders in Urban Government Programme 2015</i> , pada 3 hingga 9 Mei 2015 di Singapura.
7.	<i>Young Southeast Asian Leaders Initiative(YSEALI)</i> , pada 29 April hingga 6 Jun 2015 di United State Amerika.
8.	<i>WeGO-UNPOG e-Government Track</i> , pada 20 hingga 21 Mei 2015 di Jeju Korea
9.	<i>World Human Rights Cities Forum 2015</i> pada 15 hingga 18 Mei 2015, di Gwangju Korea
10.	<i>The Urban Thinkers Campus In Stockholm, Sweden</i> pada 27 Jun hingga 3 Julai 2015 di Stockholm, Sweden
11.	<i>The 2nd Asean Mayor Forum dan 2nd Asean Cities Expo</i> pada 7 hingga 11 September 2015 di Makassar Indonesia
12.	<i>Sharing Urban Solutions For City Leaders, Seoul Korea</i> pada 18 hingga 25 Oktober 2015 di Seoul, Korea.
13.	<i>The 4th Asia Smart City Conference 2015</i> pada 17 hingga 23 Oktober 2015 di Yokohama Jepun
14.	<i>Local Governments Facing Economic Integration In Southeast Asia - Hanoi, Vietnam</i> pada 1 hingga 2 Disember 2015 di Hanoi, Vietnam

RESILIENT CITIES ASIA PACIFIC 2015

Program ini dihadiri Mohd Nadhir Bin Abdul Aziz, Pen. Pengarah Perancang Bandar pada 11 hingga 13 Februari 2015 di *Swissotel Nai Lert Park, Bangkok, Thailand*.

Di antara faedah yang diperolehi daripada lawatan ini ialah :-

- Membantu kerajaan tempatan menerapkan aspek daya tahan (*resilient*) dalam menggubal dasar
- Menggalakkan tindakan dan penyelarasan aspek daya tahan bandar bersepadu di rantau Asia-Pasifik
- Memudahkan integrasi antara sains, dasar dan amalan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Pusat
- Bincangkan pembentukan *Asia-Pacific Mayors' Council on Climate Change* sebagai pergerakan sokongan kerajaan tempatan serantau yang menyokong usaha global yang berkaitan bandar berdaya tahan (*resilient cities*)
- Meneroka peluang-peluang untuk meningkatkan kerjasama di antara kerajaan-kerajaan tempatan, komuniti, penderma dan sektor swasta





Suasana semasa menghadiri Resilient Cities Asia Pacific 2015

The Regional Public Space Conference

YBhg. Dato' YDP bersama dengan Encik Shaqrony Bin Md Yusoff @ Jamaludin, Ketua Jabatan Landskap dan Encik Mohd Ridzal Bin Abdul, Penolong Pengarah Kanan Perancang Bandar telah menghadiri *The Regional Public Space Conference (LCP – UN - Habitat)* pada 26 Februari hingga 1 Mac 2015 di Manila, Filipina.

Hasil daripada Lawatan ke Manila dan beberapa lawatan tapak di sana banyak memberi idea baru yang berguna bagi MPSP untuk cuba dilaksanakan contohnya mempelajari tentang *flexible design principles*, kemudahan yang perlu ada di tempat awam seperti Kiosk, Tong Sampah, Lampu Jalan (Solar), menyediakan laluan perjalan kaki yang berasingan dan *Road Kerb provision* yang mana mempunyai *iron reinforcement*.



2ND INTERNATIONAL CONFERENCE ON LOCAL GOVERNMENT

Tuan Haji Ahmad Fuad bin Haji Hashim, Pengarah Perancang Bandar telah menghadiri 2nd *International Conference on Local Government* pada 27 hingga 28 Mac 2015 di Dhaka, Bangladesh.

Hasil yang diperolehi oleh beliau ialah seperti mempelajari tentang konsep kerajaan tempatan di Bangladesh. Di Bangladesh terdapat dua (2) buah kerajaan iaitu Rural Local Government yang mana termasuk *lowest tier, sub district and district council, local urban government* dan kerjasama antara bandar.

Hasil daripada lawatan ini Tuan Haji Ahmad Fuad bin Haji Hashim mempelajari bagaimana Kerajaan Bangladesh mengenalpasti bahawa pentingnya *vibrant local government system* untuk pembangunan tempatan.



ICLEI World Congress 2015

YBhg. Dato Yang Dipertua bersama Encik Shahrulnizad Bin Abdul Razak, Pengarah Perbendaharaan, Puan Norhayati Binti Sulaiman, Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan, Puan Siti Nurhayati Binti Abdul Rahman, Penolong Pengarah Korporat dan Perhubungan Antarabangsa dan Encik Muhamad Nasir Bin Abdul Salam, Pembantu Tadbir Kanan Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa telah menghadiri *ICLEI World Congress 2015*, menghadiri mesyuarat *ICLEI Southeast Asia Regional Executive Committee (RexCOM) & Global Executive Committee (GexCOM)* dan menandatangani *Memorandum Of Understanding (MOU) On Environmental Policy And Technology Exchanges* di antara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan *Seoul Metropolitan Government, Republik Korea* pada 6 hingga 13 April 2015.

ICLEI World Congress 2015 yang menghimpunkan pemimpin dunia, Datuk Bandar dan pegawai-pegawai dari pelbagai bandar di dunia bagi membincangkan cabaran yang dihadapi terhadap perubahan iklim dunia dan mempelajari bagaimana *local action* yang dapat dilaksanakan bagi penyelesaian yang mampan untuk pembangunan di masa hadapan.

Kejayaan yang diperolehi semasa menghadiri ICLEI World Congress 2015 ialah:-

- i. YBhg. Dato' Yang Dipertua mendapat peluang bertemu dan menjalinkan kerjasama dengan ahli GEXCOM yang lain semasa menghadiri inaugural meetings di Seoul.
- ii. MPSP telah tersenarai diantara 36 bandar yang telah diumumkan untuk melaksanakan Compact of Mayors yang mana mewakili global coalition of Mayors dan pemimpin bandar untuk bersedia menghadapi perubahan iklim dunia.
- iii. Dato' Maimunah Mohd Sharif juga telah dijemput untuk berucap semasa "Promise of Seoul".
- iv. MPSP selaras dengan Promise of Seoul yang mana mengurangkan kesan rumah hijau sebanyak 40% pada tahun 2030.
- v. Menandatangani Perjanjian Persahabatan untuk Understanding on Environmental Policy and Technology Exchanges (MOU) dengan Bandar Metropolitan Seoul, Korea.
- vi. YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif telah dijemput untuk menjadi panel kepada "Women Leaders Transforming Cities" pada 9 April 2015.

- vii. Pegawai yang menghadiri program ini telah mengadakan lawatan ke kebanyakan high-profile sustainability projects of Seoul Metropolitan Area in Mobile Workshop yang menukarkan tapak pelupusan kepada World Cup Park.



MPSP juga telah berjaya menandatangani *Memorandum of Understanding (MoU)* dengan Bandar Metropolitan Seoul di dalam *Environmental Policy and Technology Exchanges* pada 9 April 2015 di Seoul, Korea.



Gambar semasa menandatangani Perjanjian Persahabatan (MOU) bagi *Understanding on Environmental Policy and Technology Exchanges (MOU)* dengan Bandar Metropolitan Seoul, Korea.

PLATFORMA SEMINAR FOR DIALOGUE AND CAPACITY BUILDING OF LOCAL AND REGIONAL AUTHORITIES

Encik Mohd Nasir bin Hassan telah menghadiri *Platforma Seminar For Dialogue And Capacity-Building of Local And Regional Authorities In Asia – Pacific In The Fields Of Development And Local Governance, Manila, Philippines* pada 28 April hingga 1 Mei 2015.

Program ini melibatkan peserta-peserta daripada Negara Asia Pasifik. Ia meliputi negara-negara di Asia Tenggara, Australia, New Zealand dan negara-negara di kawasan Oceania termasuk juga India dan Pakistan.

Pihak kerajaan di negara-negara ini memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan sesebuah negara sama ada kerajaan pusat (*central government*) ataupun kerajaan tempatan (*local government*).

Peserta yang menyertai program ini didedahkan dengan Local Economic Development di mana kerajaan tempatan melaksanakan program yang dekat dengan rakyat untuk pembangunan ekonomi penduduk.



Encik Mat Nasir bin Hassan, Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta dengan rakan-rakan semasa menghadiri *Platforma Seminar For Dialogue And Capacity-Building Of Local And Regional Authorities*



Suasana semasa program Platforma Seminar For Dialogue And Capacity-Building Of Local and Regional Authorities

TEMASEK FOUNDATION LEADERS IN URBAN GOVERNMENT PROGRAMME 2015 DI SINGAPURA

YBhg. Dato' Yang Dipertua dan Puan Ir. Hajah Rosnani binti Mahmud, Timbalan Pengarah Kejuruteraan telah menghadiri *Temasek Foundation Leaders in Urban Governance Programme 2015* pada 3 hingga 9 Mei 2015 di *Singapura*.

Program ini bertujuan untuk semua peserta khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT), negeri dan negara berkongsi cabaran-cabaran masing-masing, pengalaman dan kaedah penyelesaian dalam meningkatkan perkhidmatan dan pentadbiran PBT, negeri dan negara. Hasil daripada menghadiri program tercetusnya Pelan Bersepadu (Integrated Plan) yang mempunyai 3 peringkat kawalan perancangan iaitu:-

- i. Concept Plan – not statutory, zoning area
- ii. Master Plan – statutory, control by gross floor area (GFA)
- iii. Urban design Guidelines – non statutory, detail and specification, flexible

Eco – City Batu Kawan

Membangunkan Eco-City Batu Kawan dengan mengadakan perbincangan dan rundingan dengan pemaju semasa dalam pembinaan dengan berkonsepkan Pelan Induk Eco City Batu Kawan. MPSP juga telah menubuhkan unit Eco City dan menggubal *Urban Design Guidelines* untuk memperincikan garis panduan Eco City.





YOUNG SOUTHEAST ASIAN LEADERS INITIATIVE (YSEALI)

Cik Nadia Faradila Binti Jalawi Penolong Pengarah Kejuruteraan telah menghadiri *Young Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI) Legislative Process and Governance Professional Fellows Program* di bandar Washington D.C. pada 29 April hingga 6 Jun 2015 di United State Amerika.

Semasa Cik Nadia Faradilla binti Jelawi menghadiri program Young South East Asian Leader Initiative Professional Program, beliau telah di letakkan di bawah Community Challenge. Hasil daripada program ini beliau di dalam rancangan bagi melaksanakan program *The Implementation for Solar PV System at Municipal Council of Seberang Perai*. Beliau telah membuat pembentangan bagi kertas kelulusan untuk jemputan pemasangan percubaan Solar PV System di bangunan ibu pejabat MPSP Perda.



WEGO-UNPOG E-GOVERNMENT TRACK

WeGO – UNPOG e – Government Track pada 20 hingga 21 Mei 2015 di Jeju Island, Korea telah dihadiri oleh Tuan Setiausaha Perbandaran dan Encik Abdul Fikri Ridzauudin Bin Abdullah, Pengarah Teknologi Maklumat. Semasa program ini berlangsung kedua-dua pegawai juga telah menghadiri WeGO EXCom meeting yang mana 10 agenda telah dibincangkan. Peluang ini jarang berlaku kerana MPSP tidak dilantik sebagai WeGO ExCom members.

Setiausaha Perbandaran telah diberi peluang untuk mengadakan perbincangan dengan Mr. Heeryong Won (*Chairman of Organizing Committee and Governor of Jeju Special Self-Governing Province*).

Hasil daripada seminar ini MPSP telah diberi peluang untuk mengadakan *showcase Smart Monitoring System* MPSP yang mana di dalam perancangan untuk meningkatkan SMS 2.0. MPSP berharap dapat menarik WeGO untuk memberikan bantuan bagi membina versi baru yang dimasukkan *mobile application* dan *Big Data Analytics*.

MPSP perlu mencapai *ICT adaptation* dengan konsep plan sendiri yang mana digunakan untuk kegunaan masa panjang dan menggunakan teknologi sepenuhnya.





Tuan Setiausaha Perbandaran semasa menghadiri
WeGO – UNPOG e – Government Track.

WORLD HUMAN RIGHTS CITIES FORUM 2015, GWANGJU KOREA

Encik Baderul Amin, Timbalan Pengarah Kejuruteraan dan Encik Mohd Raisul Muhaddisin Bin Hamid, Penolong Pengarah Bangunan telah menghadiri *World Human Rights Cities Forum 2015, Gwangju, Korea* pada 15 hingga 18 Mei 2015 yang bertemakan “Towards a Global Alliance of Human Rights Cities for All part II”.

Hasil daripada menghadiri forum ini ialah :-

- Mempelajari tentang perubahan dalam persepsi orang ramai mengenai langkah-langkah yang perlu diambil terlebih dahulu di mana orang ramai perlu faham tentang hak asasi manusia yang diperjuangkan oleh masyarakat.
- Bagaimana membuka peluang pekerjaan kepada orang kurang upaya dan bagaimana majikan boleh menyediakan keperluan asas seperti kemudahan kepada orang kurang upaya.
- Memperkukuhkan bidang perubatan, polisi daripada peringkat tertinggi hingga ke akar.
- Menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan isu-isu hak asasi manusia seperti yang melibatkan orang kurang upaya, jantina, pendidikan, umur, kemudahan pekerjaan dan lain-lain.
- Menyesuaikan diri dan menerima pakai semua prosedur yang berkaitan dengan isu-isu hak asasi manusia.
- Meletakkan faktor hak asasi manusia sebahagian daripada proses membuat keputusan.



THE URBAN THINKERS CAMPUS IN STOCKHOLM

YBhg. Dato' Yang Dipertua bersama Cik Normaira Abdul Rahman, Ketua Unit Butterworth Baharu, Jabatan Khidmat Pengurusan telah menghadiri *Urban Thinkers Campus : Public Space In The New Urban Agenda In Stockholm, Sweden* yang telah diadakan pada 29 Jun hingga 1 Julai 2015. Program ini telah dianjurkan oleh *The Future of Places*.

Hasil daripada menghadiri program ini MPSP telah mempelajari bagaimana untuk mengiktiraf ruang awam sebagai asas untuk menjadikan sesebuah bandar sihat makmur dan berkembang. Ruang awam perlu menyediakan peluang bagi keperluan asasi manusia untuk berinteraksi bersosial, bertukar fikiran dan menghasilkan kreativiti dan pengetahuan. Pengetahuan ini digunakan untuk memajukan Butterworth Baru dan menjayakan program Butterworth Fringe Festival dengan lebih baik.



Semasa Urban Thinker Session



Gambar-gambar semasa menghadiri *Urban Thinkers Campus : Public Space In The New Urban Agenda In Stockholm, Sweden*

THE 2ND ASEAN MAYOR FORUM AND 2ND ASEAN CITIES EXPO

Pada 8 hingga 10 September 2015 YBhg. Dato' Yang Dipertua dan Cik Nurhazwani bt Mohd Ramle, Penolong Pengarah Bangunan telah menghadiri *The 2nd Asean Mayor Forum and 2nd Asean Cities Expo di Makassar, Indonesia*. Program ini adalah diatas tajaan *United Cities and Local Governments (UCLG)*.

The 2nd Asean Mayors Forum diadakan bagi membincangkan rangka kerja dasar utama bagi memudahkan perkongsian pengetahuan dan pembelajaran bersama dikalangan Datuk Bandar dan beberapa organisasi antarabangsa.

Hasil daripada menghadiri *The 2nd Asean Mayor Forum 2015* ialah pegawai mempelajari:-

- i) Bagaimana memupuk platform serantau bagi kerajaan tempatan di ASEAN untuk mengukuhkan rangkaian di kalangan kerajaan tempatan melalui perkongsian pengetahuan dan pembelajaran bersama dan pihak berkepentingan.
- ii) Bagaimana membangunkan rangka kerja dasar utama dan instrumen untuk menyokong penyesuaian dan teknologi pengurusan bandar-bandar dan untuk menubuhkan komuniti ASEAN yang lebih kukuh.
- iii) Menyediakan dan meningkatkan kesedaran sebagai satu agenda di rantau komuniti ASEAN.



YBhg. Dato' YDP menghadiri *Mayors Forum*



SHARING URBAN SOLUTIONS FOR CITY LEADERS WORKSHOP

Encik Mohd Faidzal, Penolong Pengarah Kanan Perkhidmatan Perbandaran dan Encik Zabri bin Mohamed Sarajudin, Ketua Unit Skuad Khas telah menghadiri *Sharing Urban Solutions for City Leaders Workshop* yang diadakan pada 18 hingga 25 Oktober 2015 di Seoul, Korea.

Program ini adalah anjuran *Seoul Human Development Centre (SHRDC)*. Bengkel ini direka khas untuk pegawai-pegawai yang terlibat di dalam pembangunan bandar untuk membuat keputusan dalam konteks yang lebih besar. Sepanjang bengkel ini terdapat perbincangan bersama professional yang terlibat secara langsung dalam penggubalan dasar yang mampan. Peserta juga mendapat peluang untuk menyusun strategi bagi pembangunan bandar baru (*new urban agenda*).

Hasil daripada menghadiri program ialah merupakan suatu program yang bermanfaat yang mampu membuka minda pemimpin-pemimpin bandar didalam membuat keputusan dan dasar yang lebih baik. Cabaran-cabaran pada hari ini memerlukan penglibatan dari semua lapisan agar tindakan serta Garis Panduan yang holistic dapat dibentuk bagi menentukan hala tuju pembangunan sesebuah bandaraya.



THE 4TH ASIA SMART CITY CONFERENCE 2015

YBhg. Dato' Yang Dipertua dan Puan Nur Faradilla Binti Fahrudin, Penolong Pengarah Perancang Bandar telah menghadiri *The 4th Asia Smart City Conference* yang diadakan pada 17 hingga 23 Oktober 2015 di Yokohama, Jepun.

Hasil daripada program ini MPSP mempelajari tentang *The 4th Asia Smart City Conference "Yokohama Declaration"*. Yang mana memfokuskan kepada:-

- Bandar-bandar berkerjasama kearah bandar mampan
- Peranan pemimpin untuk menarik penglibatan berkualiti tinggi daripada sektor swasta.
- Bersama-sama di dalam mencipta penyelesaian bandar melalui teknologi pintar.
- Indeks bagi memudahkan pembangunan bandar mampan.

Semasa lawatan ini juga YBhg. Dato' Yang Dipertua telah menandatangani *Memorandum of Understanding (MoU)* dengan *City of Yokohama*, Jepun. Perjanjian ini memfokuskan kepada pembangunan di dalam Urban Planning dan Urban Design yang bakal dijalankan di Bukit Mertajam.





LOCAL GOVERNMENTS FACING ECONOMIC INTEGRATION IN SOUTHEAST ASIA- HANOI, VIETNAM

Pada 1 hingga 2 Disember 2015 Encik Ahmad Syahrir Bin Jaafar, Penolong Pengarah Jabatan Penilaian dan Encik Lokman Bin Omar, Penolong Pengarah Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Seremban telah menghadiri *Local Governments Facing Economic Integration In Southeast Asia* di Hotel Del' Opera, 29 Trang Tien Street, Hoan Kiem District, Hanoi Vietnam.

Hasil daripada menghadiri program ini pegawai belajar bagaimana dimensi baru dalam sektor pengurusan dan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Secara umumnya Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia tidak terlibat secara aktif dengan cadangan, inisiatif-inisiatif dan beberapa pengubahsuaian khasnya dari segi akta perundangan yang perlu digubal terlebih dahulu sebelum dilaksanakan. Pegawai melihat hal ini baik untuk dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan ekonomi setempat melalui kerjasama yang lebih erat dengan rakan-rakan negara ASEAN. Contohnya MPSP boleh menghantar wakil bagi menimba ilmu pengetahuan yang berguna bagi melihat kaedah-kaedah terkini yang dipraktikkan di negara-negara ASEAN yang lain.



Peserta – peserta yang menyertai *Local Governments Facing Economic Integration In Southeast Asia*



JABATAN LANDSKAP

JABATAN LANDSKAP

PENGENALAN

Jabatan Landskap mula ditubuhkan pada 1 April 2013 yang merangkumi jumlah kakitangan sediaada iaitu seramai 158 orang kakitangan. Pengurusan pembangunan dan penyelenggaraan landskap di Seberang Perai meliputi keseluruhan kawasan tadbir MPSP yang berkeluasan 738.38km persegi. Teras perkhidmatan di Jabatan ini adalah merangkumi pembangunan dan penyelenggaraan landskap kejur (hardscape) dan landskap lembut (softscape) di mana sehingga 31 Januari 2015, adalah dianggarkan sebanyak 81,808 batang pokok teduhan sediaada yang perlu diselenggara oleh Jabatan. Selain itu juga, kawasan-kawasan lapang (yang disediakan melalui syarat pembangunan) turut diselenggara oleh Jabatan. Jumlah bilangan yang terlibat adalah sebanyak 1,498 buah kawasan lapang yang merangkumi jumlah keluasan sebanyak 2.28 juta meter persegi.

FUNGSI JABATAN

- Urusetia jawatankuasa perancangan, pembangunan dan pengindahan.
- Merancang, mereka bentuk dan membangunkan projek - projek landskap taman - taman dan kawasan rekreasi untuk warga Seberang Perai berpandukan kepada pelan induk landskap MPSP.
- Mengkaji dan meluluskan permohonan landskap sebelum pengeluaran sijil layak menduduki bangunan (OC).
- Penyelenggaraan landskap yang berkualiti, efisien dan selamat.
- Menjalankan kerja- kerja penyelenggaraan pokok.
- Membangun, menyelenggara, memperbanyak dan meningkatkan taman- taman khas bagi tarikan pelancong.
- Menguruskan tapak semaian tanaman untuk keperluan jabatan.
- Memberi khidmat nasihat mengenai landskap kepada agensi, sekolah dan NGO.
- Menganjurkan aktiviti- aktiviti landskap yang melibatkan penyertaan orang awam.
- Pengekalan, pemeliharaan dan pemulihan warisan landskap secara berterusan dan mampan.
- Pengurusan projek landskap CSR.
- Penyelenggaraan taman permainan kanak-kanak dan taman awam.

STATISTIK PENANAMAN POKOK TAHUN 2015

MPSP		PEMAJU	
Januari	48	Januari	277
Februari	118	Februari	73
Mac	74	Mac	166
April	95	April	219
Mei	15	Mei	222
Jun	365	Jun	2448
Julai	73	Julai	278
Ogos	225	Ogos	589
September	16	September	132
Oktober	45	Oktober	46
November	35	November	649
Disember	687	Disember	194
Jumlah	1,781	Jumlah	5,293
Jumlah keseluruhan		7,074	

PROGRAM CSR DI BAWAH SELIAAN JABATAN LANDSKAP

Projek-projek Cleaner and Greener Seberang Perai yang telah dicapai di MPSP dijalankan melalui beberapa program dan kaedah pelaksanaan. Antara program yang giat dijalankan di peringkat Jabatan adalah melalui projek Corporate Social Responsibility (CSR) yang telah dimulakan sejak Julai 2011 hingga kini dengan kerjasama daripada sektor korporat, swasta dan kerajaan. Berikut adalah projek-projek CSR Landskap 2015 yang telah dicapai seperti senarai di bawah :-

BIL	LOKASI	PENAJA	TARIKH SIAP
1	Bulatan Bukit Tengah, SPT	DNP Land Sdn. Bhd	1 Oktober 2015
2	Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O SPT	TNB Bandar Perda	12 Jun 2015

**PROGRAM CSR DI BULATAN BUKIT TENGAH, SPT
OLEH TETUAN DNP LAND SDN BHD**



**Penanaman sejumlah
48 pokok Kurma**

TAMAN REKREASI PBAPP BUKIT D.O SEBERANG PERAI TENGAH



Cadangan meletakkan kerusi batu dan tong sampah oleh TNB Bandar Perda di bawah program CSR



PROGRAM PENJUALAN POKOK SEMPENA HARI MAJLIS 2015 DI IBU PEJABAT MPSP



Penjualan pokok hiasan sebanyak 28 jenis termasuk pokok Bunga Raya, Alamanda, Ati-Ati, Kelat Paya dan lain-lain lagi.

FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN DIRAJA, FLORIA PUTRA JAYA 2015



SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2015 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG DI TAMAN REKREASI PBAPP BUKIT D.O, SEBERANG PERAI TENGAH



PROGRAM PENGINDAHAN DI SJK(T) NIBONG TEBAL, SPS



Penanaman 20 batang pokok Kelat Paya dan 140 batang pokok Ixora

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN POKOK



KERJA-KERJA PENGINDAHAN



PROGRAM PENGINDAHAN DI JALAN BUKIT TAMBUN, SPS



Lukisan Mural oleh JKKK Bukit Tambun

PROJEK PENGINDAHAN DI SEPANJANG JALAN BARU, PERAI, SEBERANG PERAI TENGAH



Penanaman pokok
Golden Penda



PENYELENGGARAAN ALAT MAINAN DAN KAWASAN TANAH LAPANG



PENCEROBOHAN KE ATAS TANAH LAPANG





MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam

Tel: 04-549 7555 | Faks: 04-538 9700

www.mpsp.gov.my